



PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 3/2023

GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Senat Bilangan 2/2022 (Kali Ke-143) yang telah bersidang pada 29 Mac 2022 (Selasa) bersetuju meluluskan cadangan pelaksanaan Garis Panduan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) UMK dan digunakan bermula Semester September Sesi 2022/2023.
3. Semua staf akademik, pihak pengurusan fakulti dan bahagian yang berkaitan adalah disarankan untuk merujuk kepada garis panduan tersebut dalam memperkasakan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di UMK. Bersama-sama ini dilampirkan garis panduan berkaitan sebagai rujukan dan panduan selanjutnya.
4. Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan berhubung perkara di atas amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI, RAKYAT DIKASIHI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Muhammad". It is written over a horizontal line.

(PROF. DR. NIK MAHERAN BINTI NIK MUHAMMAD)
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

01 JANUARI 2023

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor - Timbalan Naib Canselor
- Pendaftar
- Semua Dekan / Pengarah Pusat Pengajian

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARikh PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 1/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

ISI KANDUNGAN

TAJUK	M/S
GLOSARI	3
PENGENALAN	5
TUJUAN	6
OBJEKTIF	6
KONSEP PEDAGOGI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	7
BAHAGIAN 1 : PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	11
1.1 PENGENALAN	11
1.2 DEFINISI	11
1.3 PERANAN PIHAK BERKEPENTINGAN	13
1.4 PENGURUSAN PENAWARAN KURSUS	16
1.5 PENYEDIAAN AMANAH PENGAJARAN	16
1.6 PENYEDIAAN JADUAL PENGAJARAN	18
1.7 PELANTIKAN PENYELARAS DAN PENGAJAR KURSUS	19
1.8 PROSES KERJA	20
1.9 RUMUSAN	23
1.10 LAMPIRAN	24
BAHAGIAN 2 : PERANCANGAN KURSUS	25
2.1 PENGENALAN	25
2.2 PENGAJARAN KONSTRUKTIF DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	25
2.3 PENGAJARAN KONSTRUKTIF DALAM PENILAIAN DAN PENTAKSIRAN	28
2.4 DOMAIN HASIL PEMBELAJARAN / KLUSTER MQF 2.0	33
2.5 PELAN PENGAJARAN KURSUS	34
2.6 PENYEDIAAN MAKLUMAT KURSUS (<i>TABLE 4</i>)	35
2.7 PENYEDIAAN RANCANGAN MENGAJAR (<i>SCHEME OF WORK – SOW</i>)	42
2.8 PEMILIHAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	43
2.9 CARTA ALIR DAN PROSES KERJA	46
2.10 RUMUSAN	47

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 2/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

BAHAGIAN 3:	48
MOD PENYAMPAIAN PENGAJARAN	
3.1 PENGENALAN	48
3.2 KAEADAH DAN MOD PENYAMPAIAN PDP	48
3.3 PEMBELAJARAN BERSEMUKA	53
3.4 PEMBELAJARAN DALAM TALIAN 9PDP-DT)	53
3.5 PEMBELAJARAN SECARA HIBRID	60
3.6 RUMUSAN	61
BAHAGIAN 4:	62
PENGURUSAN JAM PEMBELAJARAN PELAJAR	
4.1 PENGENALAN	62
4.2 SISTEM KREDIT KERANGKA KELAYAKAN MALAYSIA	63
4.3 JAM PEMBELAJARAN PELAJAR (<i>STUDENT LEARNING TIME- SLT</i>)	66
4.4 JAM EFEKTIF PELAJAR (<i>EFFECTIVE LEARNING TIME - ELT</i>)	68
4.5 RUMUSAN	71
4.6 LAMPIRAN	72
BAHAGIAN 5:	74
PENTADBIRAN & PENGURUSAN KUALITI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	
5.1 PENGENALAN	74
5.2 PENGURUSAN DOKUMEN	74
5.3 ANALITIK PEMBELAJARAN (CLO/PLO ANALYSIS)	75
5.4 PENAMBAHBAIKAN KUALITI BERTERUSAN (<i>CONTINUAL QUALITY IMPROVEMENT</i>)	78
5.5 PENILAIAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	84
5.6 RUMUSAN	87
5.7 LAMPIRAN	88
LAMPIRAN	88
PENUTUP	105
RUJUKAN	107

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARikh PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 3/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

GLOSARI

ELEMEN	GLOSARI PERKATAAN
Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)	Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang membolehkan hasil pembelajaran dicapai
Penajaran Konstruktif/ <i>Constructive Alignment (CA)</i>	Prinsip yang digunakan untuk merangka aktiviti PdP serta tugas pentaksiran yang mengaitkan secara langsung hasil pembelajaran yang ingin dicapai dengan cara tidak lazim.
Domain Hasil Pembelajaran (DHP)/ <i>Learning Outcome Domain (LOD)</i>	MQF 2.0 mengelompokkan lapan (8) domain hasil pembelajaran kepada lima (5) kluster hasil pembelajaran yang perlu ada dalam setiap program pengajian.
<i>Outcome Based Education (OBE)</i> / Pendidikan Berasaskan Hasil	Proses yang melibatkan penstrukturkan semula kurikulum, pentaksiran dan amalan pelaporan dalam pendidikan untuk mencerminkan pencapaian pembelajaran dan penguasaan aras tinggi dan bukannya pengumpulan kredit kursus.
Hasil Pembelajaran Program (HPP)/ <i>Program Learning Outcome (PLO)</i>	Pernyataan mengenai kemahiran apa yang akan dimiliki oleh pelajar setelah tamat pengajian (selaras dengan standard program atau badan profesional).
Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)/ <i>Course Learning Outcome (CLO)</i>	Hasil pembelajaran yang mewakili senarai kecekapan yang akan diperoleh oleh pelajar setelah lulus kursus dan mestilah dicapai oleh setiap pelajar yang mengikuti kursus pada semester semasa.
Objektif Pendidikan Program Program/ <i>Programme Educational Objectives (PEO)</i>	Pernyataan tentang ciri-ciri dan pencapaian graduan selepas tiga (3) hingga lima (5) tahun bergraduat

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARikh PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 4/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

ELEMEN	GLOSARI PERKATAAN
Penambahbaikan Kualiti Berterusan/ <i>Continuous Quality Improvement (CQI)</i>	Satu proses yang perlu dijalankan oleh setiap penyelaras dan pengajar kursus bagi setiap kursus yang ditawarkan bagi memastikan aspek penambahbaikan dikenal pasti dan dijalankan pada sesi penawaran berikutnya.
Rancangan Kerja/ <i>Scheme of Work (SOW)</i>	Pelan Pengajaran kursus melibatkan rancangan mengajar pensyarah mengikut minggu bagi topik kursus, aktiviti, pentaksiran dan senarai bahan rujukan untuk kursus tersebut serta penyediaan maklumat kursus.
Sistem IMS - Analisis Hasil Pembelajaran Kursus (<i>CLO Analysis</i>)	Dijalankan menerusi penggunaan FK3 di mana penyelaras/pengajar perlu menjalankan analisa pencapaian bagi setiap CLO yang ditetapkan dalam pelan pengajaran (<i>Table 4</i>) pada setiap semester.
Maklumat Kursus (<i>Table 4</i>)	Penentuan perkara-perkara maklumat kursus dijadikan panduan dalam mengendalikan kursus selama 14 minggu pengajian secara bersemuka atau secara tidak bersemuka.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 5/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

PENGENALAN

Perubahan landskap dalam norma baharu bagi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) GP PdP kini adalah bersesuaian, maka satu garis panduan dibangunkan untuk memberikan panduan yang lebih jelas kepada semua pensyarah, khasnya dalam usaha meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Norma baharu ini telah membuka ruang pembelajaran secara bersemuka kepada kaedah pembelajaran secara maya (*virtual learning*). Senario ini telah memberikan perubahan yang besar terhadap penggunaan pelantar digital secara meluas dan ia merupakan pilihan yang terbaik sebagai alternatif kepada PdP yang berbentuk fizikal yang terpaksa ditinggalkan oleh warga pendidik dan pelajar sepanjang tempoh pandemik yang lalu.

Peralihan dalam penggunaan alat-alat peranti sebagai medium utama pengajaran bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat diteruskan tanpa sebarang gangguan. Sebagai langkah dan keperluan jangka masa panjang, Garis Panduan ini dibangunkan bertujuan untuk memastikan ia dapat memenuhi standard pengajaran dan pembelajaran di Universiti Malaysia Kelantan. Pemakaian garis panduan diguna pakai setelah mendapat kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat (JKTS) Prasiswazah dan Mesyuarat Senat Universiti Malaysia Kelantan. Garis Panduan Pengajaran dan Pembelajaran (GP PdP) juga merupakan panduan kepada kaedah alternatif pelaksanaan PdP yang boleh dirujuk apabila berlakunya sesuatu bencana atau wabak pada masa hadapan. Pelaksanaan PdP ini perlu sentiasa dikawal dan dipantau untuk memastikan kualiti pelaksanaan mencapai jangkaan dan harapan yang telah ditetapkan.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARikh PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 6/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

TUJUAN

1. Garis Panduan Pengajaran dan Pembelajaran (GP PdP) ini bertujuan untuk memberi panduan pelaksanaan PdP sama ada secara bersemuka, dalam talian atau hibrid.
2. GP PdP bertujuan untuk menyelaras pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dan penggunaan pelbagai medium alternatif di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) bagi sesi pengajian bermula Semester Kedua 2021/2022 sehingga notis terbaru dikeluarkan.
3. GP PdP ini dibangunkan sebagai rujukan dan panduan untuk memudahkan pihak berkepentingan dalam urusan penyelarasan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Garis panduan ini perlu dibaca bersama buku peraturan akademik program Asasi Sains UMK, buku peraturan akademik Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda (Sepenuh Masa) dan Buku Peraturan Akademik Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda (Separuh Masa) yang masing-masing dikeluarkan oleh Jabatan Persediaan Sains UMK, Pusat Pendidikan Luar (UMKCEE) UMK dan Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) UMK.

OBJEKTIF

1. Garis Panduan Pengajaran dan Pembelajaran (GP PdP) akan menjadi panduan dan rujukan kepada semua pensyarah dalam proses penyampaian pengajaran dan pembelajaran pelajar. Ini bagi memastikan proses PdP yang dijalankan mengikut standard dan piawaian yang telah ditetapkan.
2. Ia juga dapat membantu pensyarah / penyelaras kursus dalam membuat keputusan dan mencari penyelesaian kepada sebarang isu / masalah yang berlaku sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran kuliah dan tutorial.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 7/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

3. Kandungan dalam GP PdP ini akan memberikan gambaran yang lebih luas kepada pensyarah / penyelaras kursus dalam menyediakan alternatif kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang akan dijalankan. Kreativiti dan inovasi yang dilaksanakan oleh pensyarah / penyelaras kursus akan membantu dalam proses pembelajaran pelajar.

KONSEP PEDAGOGI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)


Pedagogi didefinisikan kaedah dan prinsip pengajaran khususnya dalam pendidikan formal. Perkataan pedagogi ini adalah berasal daripada bahasa latin, yang memberi maksud kaedah mengajar pelajar. Definisi yang lebih tepat bahawa pedagogi ini ditakrifkan sebagai kemahiran mengajar yang digunakan oleh seseorang pensyarah untuk menyampaikan pengajaran dan pembelajaran, khususnya dalam suatu bidang kepakaran. Untuk memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran tersebut bermakna, seorang pensyarah perlu memiliki ilmu pedagogi yang baik. Seiring dengan kemajuan dunia pendidikan pada masa ini, konsep pedagogi turut berkembang dan digunakan dalam konteks iaitu pengajaran di semua peringkat sekolah hingga ke peringkat universiti. Dengan kata lain, ia ialah seni mengenai cara mengajar (state of the art in Teaching & Learning).

Perancangan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) merangkumi objektif hasil pembelajaran, dan diikuti dengan pelaksanaan dalam proses PdP. Tujuan utama dalam menentukan objektif PdP ialah memastikan semua pelajar berjaya menguasai pengetahuan dan kemahiran yang diberikan mengikut kadar dan tahap kemampuan masing-masing. Secara khusus, ia merupakan satu proses pengajaran yang menyediakan keperluan pembelajaran secara optimum demi mencapai objektif yang ditetapkan. Terdapat empat unsur penting dalam pengajaran iaitu guru, pelajar, isi pelajaran dan objektif pengajaran. Unsur-unsur tersebut boleh berinteraksi antara satu sama lain. Pentaksiran pula akan dilaksanakan bagi menentukan tahap penguasaan mereka. Setelah dibuat pentaksiran, pelajar yang telah menguasai akan terus diberikan aktiviti pengayaan dan bagi pelajar yang belum menguasainya akan diteruskan dengan aktiviti pemulihan.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARikh PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 8/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

MODEL PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

Terdapat enam (**6**) peringkat dalam Model Pengajaran & Pembelajaran ini. Dalam kategori **abstrak** terbahagi kepada aspek teori, pendekatan dan kaedah. “**Teori**” ialah konsep-konsep yang berhubungan antara satu sama lain yang mengandungi suatu pandangan sistematis daripada suatu fenomena. “**Pendekatan**” merupakan titik tolak atau sudut pandang terhadap proses PdP mengikut cakupan teori-teori tertentu. Pembelajaran boleh berlaku secara induktif, deduktif atau eklektik. “**Kaedah**” menekankan aspek penguasaan pembelajaran sama ada secara pembelajaran berpusatkan pelajar atau pembelajaran berpusatkan guru.



Rajah 1: Model Komponen Hierarki Pedagogi (Sumber: Suria Baba, 2008)

Dalam kategori **konstruk** terbahagi kepada aspek strategi, teknik dan prosedur. Strategi ialah aktiviti pembelajaran yang dibincangkan bagi menentukan teknik-teknik yang bersesuaian seperti strategi kolaboratif, kooperatif, kontekstualisasi dan sebagainya. Teknik ialah cara pengendalian interaksi pensyarah dan pelajar sama ada secara sehala

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 9/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

atau dua hala yang merangkumi pelbagai teknik yang bersesuaian. Antaranya kuliah, demonstrasi atau tunjuk cara, simulasi, kajian kes, sumbang saran, main peranan, pembelajaran berdasarkan projek dan sebagainya. Prosedur merangkumi proses pemeringkatan dalam pelaksanaan proses PdP.

KEPENTINGAN PEDAGOGI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Kenapa seorang pensyarah perlu menguasai ilmu pedagogi? Hal ini dapat dilihat dengan konsep di mana seorang pelajar perlu menguasai formula matematik. Untuk membantu pelajar dapat menguasai matematik dengan sebaiknya, selain dapat memahami prinsip-prinsip matematik. Begitu juga dengan pensyarah, seorang pensyarah perlu menguasai ilmu pedagogi kerana ilmu pedagogi dapat membantu pensyarah memahami prinsip-prinsip pengajaran dan pembelajaran. Pedagogi berupaya memberikan pensyarah cara pelaksanaan satu pengajaran daripada yang mudah untuk pelajar dan seterusnya kepada aras pembelajaran yang sukar. Dalam erti kata lain, mudah kepada susah. Juga dapat disamakan daripada konkret kepada abstrak.

Selain itu, seorang pensyarah juga perlu menguasai pedagogi kerana pensyarah tersebut akan lebih mudah dapat memilih kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan tahap penerimaan pelajar-pelajar. Misalnya, pensyarah telah sedia maklum tahap atau kemampuan pensyarah tersebut, melalui ilmu atau kemahiran pedagogi tersebut, ia akan memudahkan seorang pensyarah tersebut merancang pengajaran harian dengan baik dan mudah. Mungkin seorang pensyarah boleh menggunakan kaedah hanya berpusatkan pada pensyarah sahaja, atau berpusatkan kepada pelajar sahaja, terpulang kepada seorang pensyarah tersebut untuk memilih kaedah pengajaran yang sesuai dengan tahap penerimaan setiap pelajar.

Seterusnya, ilmu pedagogi juga memberi kebaikan kepada pensyarah dalam penyediaan Bahan-Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang lebih menarik dan bermanfaat. Pedagogi bukan sahaja berkaitan dengan kemahiran mengajar, malah pedagogi juga merupakan seni atau pun sains, kenapa dikatakan seni, kerana seorang pensyarah boleh mengajar mengikut kaedah mereka tersendiri, seorang pensyarah digalakkan untuk mempelbagaikan gaya mengajar agar sesi pengajaran dan pembelajaran lebih bermakna dan menarik.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 10/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

Malah, pensyarah akan sentiasa memastikan penglibatan pelajar secara lebih aktif dalam proses pengajaran kerana seorang pensyarah mempunyai kemahiran yang tinggi dalam pedagogi mampu melibatkan pelajar di dalam kelas tersebut menjadi aktif dan berdaya saing. Sebagai contoh, gaya mengajar pensyarah mampu menarik perhatian pelajar untuk belajar. Pensyarah dapat memperkembang lagi potensi pelajar dengan mempunyai kemahiran mengajar yang baik, mampu meningkatkan lagi perkembangan pembelajaran pelajar tersebut, terutama dalam sesuatu mata pelajaran. Jika pensyarah tersebut mempunyai idea yang kreatif dalam mengajar, secara tidak langsung pelajar tersebut mempunyai potensi untuk berkembang dalam pengajaran hariannya.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 11/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

BAHAGIAN 1:

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN DALAM PENGAJARAN DAN **PEMBELAJARAN (PdP)**

1.1 PENGENALAN

- 1.1.1 Bahagian ini akan menjelaskan berkenaan proses kerja dalam pengurusan dan pentadbiran bagi menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Perincian bahagian ini akan dibahagikan kepada beberapa subtopik utama, iaitu definisi, peranan pihak berkepentingan, pengurusan penawaran kursus, penyediaan amanah pengajaran, penyediaan jadual pengajaran, pelantikan penyelaras dan pengajar kursus, proses kerja dan carta alir pelaksanaan.
- 1.1.2 Pada akhir bahagian ini, setiap fakulti/ pusat bertanggungjawab (PTj) akan memahami berkenaan pengurusan dan pentadbiran hal ehwal akademik sebelum, semasa dan selepas semester.
- 1.1.3 Selaras dengan tujuan penyediaannya, garis panduan ini adalah terpakai bagi semua fakulti/ PTj yang menawarkan program asasi, pra-ijazah dan sarjana muda dalam memastikan keseragaman proses pentadbiran dan pengurusan hal ehwal akademik sebelum, semasa dan selepas memasuki sesuatu semester pengajian.

1.2 DEFINISI TERMA

- 1.2.1 Takrifan terma yang digunakan dalam garis panduan ini adalah sebagaimana berikut:

Perkara	Takrifan
Dekan	Staf akademik yang dilantik oleh universiti dan bertanggungjawab sebagai ahli Senat dan Jawatankuasa Tetap Senat Universiti serta melaksanakan semua keputusan Lembaga Pengarah

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARikh PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 12/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

Perkara	Takrifan
	Universiti, Senat dan Jawatankuasa Pengurusan Universiti di peringkat Fakulti
Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar)	Staf akademik yang dilantik oleh universiti bagi membantu dekan mengetuai fakulti dalam menguruskan hal-hal berkaitan akademik.
Ketua Jabatan	Staf akademik yang dilantik oleh universiti sebagai ketua yang bertanggungjawab untuk mengurus sesuatu jabatan pengajian.
Ketua Program/ Penyelaras Program	Staf akademik yang dilantik oleh fakulti sebagai ketua yang bertanggungjawab menyelaras sesuatu program pengajian.
Penyelaras Kursus	Staf akademik yang dilantik oleh fakulti bagi menyelaras sesuatu kursus yang ditawarkan dalam program-program tertentu.
Pengajar Kursus	Staf akademik yang dilantik untuk mengajar sesuatu kursus.
Fakulti/ Pusat	Pusat tanggungjawab yang menjalankan dan menguruskan aktiviti berkaitan akademik.
Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)	Proses pelaksanaan PdP yang meliputi 3 elemen (bahan, aktiviti dan pentaksiran).
Amanah Pengajaran	Jumlah ukuran kuantitatif yang melibatkan tugas mengajar staf akademik setiap semester pengajaran.
Kursus	Mata pelajaran yang ditawarkan dalam sesuatu program pengajian yang mempunyai kod dan kredit tertentu.
Rancangan Kerja (SOW)	Rancangan pengajaran kursus yang meliputi objektif pengajaran, hasil pembelajaran, topik, tugas, agihan penilaian kursus.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARikh PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 13/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

Perkara	Takrifan
Skema Pemarkahan	Jawapan beserta agihan markah yang disediakan bagi sesuatu penilaian secara berformat.
Pentaksiran Berterusan	Pentaksiran bergred yang dilaksanakan sepanjang semester berlangsung.
Pentaksiran Akhir	Pentaksiran rasmi yang diadakan untuk menilai tahap pencapaian seseorang pelajar dalam sesuatu kursus melalui peperiksaan akhir, laporan, pembentangan, temuduga atau kaedah-kaedah lain yang bersesuaian pada akhir semester berkenaan.
Peperiksaan Akhir	Peperiksaan formal yang dijalankan dalam tempoh yang ditetapkan pada akhir setiap semester.
Fail Kursus	Set dokumen yang mengandungi maklumat akademik bagi tujuan penyelarasan, keseragaman dan jaminan kualiti pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bagi sesuatu kursus mengikut prinsip kitaran OBE.
Fail Program	Set dokumen yang mengandungi maklumat akademik berkaitan program bagi tujuan penyelarasan dan jaminan kualiti penawaran sesuatu program pengajian.

1.3 PERANAN PIHAK BERKEPENTINGAN

1.3.1 Dekan/ Pengarah Kanan/ Pengarah

- i. Melantik penyelaras kursus bagi setiap kursus yang ditawarkan dalam sesuatu program.
- ii. Melantik pengajar kursus bersesuaian dengan bidang kepakaran dan pengalaman pensyarah yang mengajar.
- iii. Mengurus sumber manusia dan kewangan fakulti/ PTj dengan baik.

1.3.2 Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar) (TDA)

- i. Mencadangkan penyelaras kursus bagi setiap kursus yang ditawarkan dalam sesuatu program.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 14/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

- ii. Mencadangkan pengajar kursus bersesuaian dengan bidang kepakaran dan pengalaman pensyarah yang mengajar.
- iii. Mencadangkan pensyarah sambilan (merujuk kepada skim lantikan pensyarah sambilan yang dikeluarkan oleh Pejabat Pendaftar) dengan kesesuaian bidang bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar.
- iv. Mempengerusikan mesyuarat saringan (*vetting*) soalan pentaksiran berterusan, pentaksiran akhir dan peperiksaan akhir peringkat fakulti.

1.3.3 Ketua Jabatan (KJ)

- i. Mengagihkan tugas pengajaran kepada pensyarah bersesuaian dengan bidang kepakaran dan pengalaman pensyarah yang mengajar.
- ii. Mencalonkan penyelaras dan pengajar kursus yang bersesuaian dengan bidang kepakaran.
- iii. Mencalonkan pensyarah sambilan dengan kesesuaian bidang bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar.
- iv. Mempengerusikan mesyuarat saringan (*vetting*) soalan pentaksiran berterusan, pentaksiran akhir dan peperiksaan akhir peringkat jabatan.
- v. Memastikan segala urusan akademik seperti pelaksanaan program akademik, pengurusan sumber manusia, kewangan, peralatan, serta pengurusan proses akademik seperti pengajaran, peperiksaan dan sebagainya berjalan lancar dan berkesan.
- vi. Memperakukan pelan pengajaran yang disediakan oleh penyelaras kursus.

1.3.4 Ketua Program/ Penyelaras Program (KP)

- i. Menyelaraskan pelaksanaan PdP kursus dalam program.
- ii. Terlibat dalam bengkel saringan (*vetting*) soalan pentaksiran berterusan dan pentaksiran akhir serta peperiksaan akhir kursus-kursus dalam program.
- iii. Menganalisis keputusan pentaksiran berterusan dan pentaksiran akhir (semester terdahulu dan semasa) bagi semua pelajar untuk melaksanakan langkah dan strategi bagi membaiki mutu PdP.
- iv. Menyediakan dan mengemas kini fail program.

1.3.5 Penyelaras Kursus

- i. Menyediakan pelan pengajaran sebelum sesi bermula.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARikh PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 15/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

- ii. Memilih dan mencadangkan senarai buku-buku atau bahan bacaan tambahan yang sesuai untuk rujukan pelajar dan kegunaan pensyarah.
- iii. Sentiasa berkomunikasi secara berkala dan membuat perancangan dengan pensyarah lain yang terlibat dalam pengajaran kursus berkenaan agar ada kesinambungan dalam penyampaian.
- iv. Memantau keperluan kursus (contohnya keperluan kerja lapangan/ lawatan tapak/ perisian) berdasarkan keperluan Fakulti.
- v. Menyediakan pelaporan atau analisis Hasil Pembelajaran Kursus/ *Course Learning Outcome* (HPK/CLO).
- vi. Menyelaras dan mengesahkan penyediaan soalan pentaksiran berterusan dan pentaksiran akhir/ peperiksaan akhir serta skema pemarkahan/ rubrik.
- vii. Memastikan soalan pentaksiran berterusan dan pentaksiran akhir/ peperiksaan akhir telah dimurnikan mengikut cadangan penyemak dalam bengkel saringan (*vetting*) peringkat Jabatan dan Fakulti.
- viii. Menyediakan dan mengemas kini fail kursus.

1.3.6 Pengajar Kursus

- i. Mematuhi pelan pengajaran yang disediakan oleh penyelaras kursus.
- ii. Merekodkan kehadiran pelajar semasa aktiviti PdP secara sistematik serta memaklumkan kepada fakulti sekiranya terdapat pelajar dengan kehadiran kurang 80% pada minggu ke 14.
- iii. Memohon kebenaran untuk penangguhan kuliah/ tutorial/ praktikal secara terancang.
- iv. Mengenalpasti masalah dan kelemahan pelajar serta cadangan langkah untuk mengatasinya.
- v. Menyediakan soalan pentaksiran berterusan dan pentaksiran akhir/ peperiksaan akhir serta skema pemarkahan/ rubrik mengikut penyelarasan dari penyelaras kursus.
- vi. Memurnikan soalan pentaksiran berterusan dan pentaksiran akhir/ peperiksaan akhir melalui proses saringan (*vetting*) peringkat Jabatan dan Fakulti.
- vii. Menyemak/ memeriksa hasil tugas pentaksiran berterusan atau pentaksiran akhir dan skrip jawapan peperiksaan akhir mengikut skema pemarkahan/ rubrik yang telah ditetapkan.
- viii. Menyalurkan bahan berkaitan akademik kepada penyelaras kursus untuk proses penyediaan fail kursus.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARikh PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 16/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

1.4 PENGURUSAN PENAWARAN KURSUS

- 1.4.1 Penawaran kursus adalah satu proses akademik yang dijalankan pada setiap semester dalam memastikan pelajar mendaftar kursus yang telah ditetapkan mengikut struktur kurikulum program yang telah dirangka bagi memenuhi syarat pengijazahan.
- 1.4.2 Penawaran kursus setiap semester oleh fakulti/ PTj hendaklah berdasarkan struktur kurikulum program sebagaimana yang telah diluluskan oleh Senat tanpa sebarang perubahan pada kod, nama, sinopsis dan pemberat markah sesuatu kursus.
- 1.4.3 Sesuatu kursus tidak boleh ditawarkan dalam semester berkenaan jika bilangan pelajar yang akan mendaftar tidak melepas had minimum yang ditetapkan iaitu 10 orang. Walaubagaimanapun, syarat ini tidak terpakai bagi kursus yang melibatkan pelajar semester akhir dan bergantung kepada keperluan semasa Fakulti/ PTj.

1.5 PENYEDIAAN AMANAH PENGAJARAN (BEBAN MENGAJAR)

- 1.5.1 Semua Kod Amalan Akreditasi Program Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) menetapkan tanggungan amanah pengajaran seseorang staf akademik mestilah bersesuaian dan seimbang dengan aktiviti lain bagi membolehkannya membina dan meningkatkan kepakaran dalam sesuatu bidang pengajian.
- 1.5.2 Justeru, fakulti/ PTj perlu membuat mesyuarat khusus bagi membincangkan pembahagian amanah pengajaran dan jadual pengajaran kakitangan akademik di bawah seliaannya dengan mengambil kira tugas-tugas lain seperti tugas pentadbiran di peringkat jabatan mahupun universiti.
- 1.5.3 Fakulti/ PTj perlu memastikan bilangan staf akademik mestilah bersesuaian mengikut keperluan standard dan kriteria bidang serta keperluan badan profesional yang berkenaan. Fakulti/ PTj perlu memasukkan senarai pensyarah sambilan/ pensyarah pinjaman yang diperlukan bagi memastikan semua kursus yang ditawarkan mempunyai tenaga pengajar.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARikh PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 17/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

- 1.5.4 Staf akademik yang telah dikenal pasti tidak dapat mengajar untuk sepanjang semester/ separuh semester seperti yang akan mengambil cuti belajar, cuti bersalin dan sebagainya, tidak perlu diberi tugas pengajaran bagi memastikan penjadualan serta proses pembelajaran dapat berjalan dengan lancar. Walau bagaimanapun, ia tertakluk pada kesesuaian dan budi bicara pihak fakulti/ PTj.
- 1.5.5 Fakulti/ PTj perlu memasukkan maklumat semua kursus dan tanggungan amanah pengajaran semua kakitangan akademik di bawah seliaannya dalam excel sheet termasuklah kursus-kursus yang ditawarkan oleh fakulti/ PTj untuk pengajaran di fakulti/ PTj/ jabatan lain.
- 1.5.6 Pengagihan wajaran amanah pengajaran bagi staf akademik adalah berdasarkan kapasiti jawatan hakiki serta pentadbiran giliran selain mengikut kesesuaian dan budi bicara pihak fakulti

Jadual 1.1 Cadangan penyediaan amanah pengajaran mengikut lantikan semasa

Jawatan	Nilai amanah pengajaran (jam/minggu)
<ul style="list-style-type: none"> ● Naib canselor ● Timbalan naib canselor 	Dikecualikan daripada PdP
<ul style="list-style-type: none"> ● Dekan ● Pengarah kanan ● Timbalan dekan ● Pengarah ● Timbalan pengarah ● Pengetua ● Ketua jabatan/ Ketua unit/ Wakil rantau 	3-6 jam
<ul style="list-style-type: none"> ● Ketua program ● Penyelaras program 	6-9 jam
Tidak menjawat sebarang jawatan pentadbiran <ul style="list-style-type: none"> ● Felo penyelidik ● Pensyarah/ Felo pengajar/ Felo bersekutu ● Guru bahasa 	3-6 jam 9-12 jam 12-18 jam

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARikh PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 18/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

Jawatan	Nilai amanah pengajaran (jam/minggu)
• Pensyarah sambilan sepenuh masa	16-20 jam

Sumber: Adaptasi Pekeliling Akademik Bil. 1/2013, Skim Pelantikan Felo 2021, Skim Pelantikan Pensyarah Sepenuh Masa 2021

1.6 PENYEDIAAN JADUAL PENGAJARAN

- 1.6.1 Jam pertemuan merujuk kepada tempoh waktu pertemuan bersemuka antara pelajar dan pensyarah setiap minggu. Kekerapan jam pertemuan ditetapkan berdasarkan aktiviti pembelajaran (kuliah/ tutorial/ makmal/ kerja lapangan) serta nilai kredit sesuatu kursus.
- 1.6.2 Pecahan slot kuliah/ tutorial/ makmal mengikut bilangan pelajar perlu dibuat dengan mengambil kira mod pengajaran sama ada secara bersemuka atau secara atas talian serta berdasarkan kapasiti ruang kuliah/ makmal/ studio di sesebuah kampus.

Jadual 1.2 Cadangan bilangan pelajar mengikut slot PdP dan mod pengajaran

Slot PdP	Bersemuka		Dalam Talian	
	Minimum	Maksimum	Minimum	Maksimum
1 slot kuliah	15 orang	60 orang	70 orang	100 orang
1 slot tutorial	15 orang	30 orang	30 orang	100 orang
1 slot makmal	Bergantung kepada kapasiti ruang		30 orang	100 orang

1.7 PELANTIKAN PENYELARAS DAN PENGAJAR KURSUS

- 1.7.1 Fakulti/ PTj hanya boleh melantik seorang staf akademik sahaja untuk menjawat jawatan penyelaras kursus bagi setiap kursus yang ditawarkan dalam sesuatu program pengajian.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 19/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

- 1.7.2 Lantikan penyelaras kursus dibuat mengikut semester tanpa melibatkan sebarang pembayaran elaun sama ada dalam semester lazim mahupun semester pendek.
- 1.7.3 Surat lantikan penyelaras kursus yang lengkap dengan senarai tanggungjawab perlu diedarkan kepada staf akademik berkaitan selewat-lewatnya 3 minggu sebelum bermulanya semester.
- 1.7.4 Surat lantikan pengajar kursus perlu disediakan oleh fakulti/ PTj secara berasingan mengikut nama staf akademik tersebut dan bukannya digabungkan dalam surat lantikan penyelaras kursus. Maklumat yang perlu dinyatakan dengan tepat dalam surat lantikan pengajar kursus adalah:
- i. Nama dan kod kursus.
 - ii. Bilangan pelajar.
 - iii. Jumlah minggu pengajaran.
 - iv. Purata jumlah jam mengajar.
 - v. Kumpulan pelajar (kuliah/ tutorial/ makmal).
 - vi. Terma rujukan (*Term of Reference*).

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARikh PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 20/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

1.8 PROSES KERJA PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN KURSUS SEPANJANG SEMESTER

Bil	Perkara	Rujukan	Masa Tindakan	Tanggungjawab
1.	Menyediakan amanah pengajaran, penawaran kursus (senarai pensyarah, jam pertemuan, bilangan /unjuran pelajar, keperluan ruang kuliah/ makmal/ bengkel/ studio)	Templat excel penyediaan amanah pengajaran (Lampiran 1.10)	4 minggu sebelum semester bermula	TDA/ KJ/ KP/ Penolong pendaftar fakulti.
2.	Menyediakan surat lantikan penyelaras kursus dan pengajar kursus	Templat surat lantikan penyelaras kursus dan pengajar kursus (Lampiran 1.10)	3 minggu sebelum semester bermula	Penolong pendaftar fakulti
3.	Menyediakan FK3 kursus serta Rancangan Kerja (SOW) yang disahkan oleh Ketua Jabatan	Borang Penjajaran Konstruktif Kursus dan Program pengajian (FK3), Table 4, Rancangan Kerja (SOW)	2 minggu sebelum semester bermula	Penyelaras kursus
4.	Menyediakan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU), soalan/arahan pentaksiran berterusan beserta skema pemarkahan/rubrik mengikut keperluan pemetaan PLO kursus	Jadual Spesifikasi Ujian (JSU)	2 minggu sebelum semester bermula	Penyelaras kursus/ pengajar kursus
5.	Menjalankan mesyuarat saringan (<i>vetting</i>) soalan pentaksiran berterusan	Borang saringan pentaksiran berterusan	1 minggu sebelum semester bermula	Jawatankuasa peperiksaan fakulti

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 21/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

Bil	Perkara	Rujukan	Masa Tindakan	Tanggungjawab
6.	Menyediakan soalan peperiksaan/pentaksiran akhir beserta skema pemarkahan mengikut keperluan pemetaan CLO kursus		Minggu ke 2	Penyelaras kursus/pengajar kursus
7.	Menjalankan mesyuarat saringan (<i>vetting</i>) soalan peperiksaan/pentaksiran akhir	Borang/ garis panduan daripada BPA	Minggu ke 5	Jawatankuasa peperiksaan fakulti
8.	Menyediakan markah pentaksiran berterusan (<i>carry mark</i>) untuk pengesahan Ketua Jabatan		Minggu ke 15	Penyelaras dan pengajar kursus
9.	Memaklumkan markah pentaksiran berterusan kepada pelajar		Minggu ke 15	Ketua jabatan
10.	Menyemak skrip jawapan kertas soalan peperiksaan/ pentaksiran akhir		Selepas tarikh peperiksaan/ pentaksiran akhir dijalankan	Pengajar kursus
11.	Menjalankan mesyuarat saringan (<i>vetting</i>) markah akhir	Analisis gred (E-Comm), Perincian keputusan (E-Comm), Borang pengesahan semakan skrip jawapan peperiksaan akhir, Borang laporan		Jawatankuasa peperiksaan fakulti/ Penyelaras kursus



**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR
(AKADEMIK & ANTARABANGSA)**

UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01

**GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA
KELANTAN**

PINDAAN : 1
TARIKH PINDAAN :
29 MAC 2022
MUKA SURAT: 22/108

Bil	Perkara	Rujukan	Masa Tindakan	Tanggungjawab
		pelajar lemah gagal, Borang semakan dan penyelarasan markah		
12.	Menjalankan proses analisis HPK dan menyediakan laporan penambahbaikan kualiti berterusan/ <i>Continual Quality Improvement</i> (CQI)	FK3, Senarai semak audit penambahbaikan kualiti berterusan (CQI)		Penyelaras kursus
13.	Menyediakan fail kursus yang lengkap	Borang senarai semak fail kursus		Penyelaras kursus
14.	Mengemas kini fail program	Borang senarai semak fail program		Ketua program/ Ketua Jabatan

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 23/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

1.9 RUMUSAN

Garis panduan ini telah memberikan panduan pentadbiran yang minimum bagi perkara penting dalam pengurusan hal ehwal akademik di sesbuah fakulti. Diharapkan melalui garis panduan ini akan dapat menjamin kelancaran dalam mengurus aktiviti berkaitan pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan 3 fasa iaitu sebelum, semasa dan selepas bermulanya semester pengajian berdasarkan kalendar akademik yang diluluskan oleh Senat Universiti Malaysia Kelantan.



**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR
(AKADEMIK & ANTARABANGSA)**

UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01

**GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA
KELANTAN**

PINDAAN : 1
TARIKH PINDAAN :
29 MAC 2022
MUKA SURAT: 24/108

LAMPIRAN 1: CADANGAN TEMPLAT EXCEL PENYEDIAAN AMANAH PENGAJARAN

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Kuota Yang Dibuka			Pensyarah	Bilik Kuliah / Makmal	Jumlah Amanah PdP
			Jumlah Pelajar	Kuliah	Tutorial			
1	HWT10103	Pengenalan Kepada Industri Kesejahteraan	93	L1 (100)	L1T1 (50) L1T2 (50)			
			100	L2 (100)	L2T1 (50) L2T2 (50)			
2	HWT10203	Pengenalan Kepada Anatomi dan Fisiologi	93	L1 (100)	L1T1 (50) L1T2 (50)			
3	HWT20103	Amalan Makanan dan Pemakanan	77	L1 (80)	L1T1 (40) L1T2 (40)			
			90	L2 (90)	L2T1 (45) L2T2 (45)			
4	HWT20203	Perubatan Tradisional dan Komplementari	77	L1 (80)	L1M1 (12) L1M2 (12) L1M3 (12) L1M4 (12) L1M5 (12) L1M6 (10) L1M7 (10)			

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 25/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

BAHAGIAN 2 :

PERANCANGAN KURSUS

2.1 PENGENALAN

- 2.1.1 Bahagian ini akan menjelaskan berkenaan Rancangan Kerja pensyarah bagi proses perancangan dan penyampaian kursus. Perincian bahagian ini akan dibahagikan kepada beberapa subtopik utama iaitu, Penajaran Konstruktif, Domain Hasil Pembelajaran/ Kluster MQF2.0, Pelan Pengajaran Kursus, penyediaan maklumat kursus (*Table 4*), Rancangan Kerja (*Scheme of Work – SOW*), pemilihan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan carta alir serta proses kerja yang terlibat dalam perancangan kursus.
- 2.1.2 Pada akhir bahagian ini, setiap pensyarah dapat memahami berkenaan perancangan dan pelaksanaan Rancangan Kerja kursus sebelum semester bermula selepas amanah pengajaran ditetapkan di peringkat Fakulti/PTj.
- 2.1.3 Garis panduan ini digubal untuk dijadikan rujukan dan panduan untuk pensyarah dalam perancangan dan pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Tugas pensyarah untuk merancang pelan pengajaran kursus bermula selepas surat lantikan sebagai penyelaras dan pengajar kursus telah dikeluarkan oleh pihak Fakulti/PTj.

2.2 PENJAJARAN KONSTRUKTIF DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN


- 2.2.1 Pendidikan Berasaskan Hasil (*Outcome-based Education, OBE*) secara umumnya memberi fokus kepada pencapaian hasil pembelajaran. OBE bermula dengan gambaran yang jelas tentang apa yang penting untuk pelajar boleh laksanakan, diikuti dengan penyusunan kurikulum, kaedah PdP serta pentaksiran bagi memastikan pembelajaran berlaku (Spady,

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARikh PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 26/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

1994). Ini adalah selaras dengan Penajaran Konstruktif Biggs yang menunjukkan hubungan antara hasil pembelajaran, aktiviti PdP dan pentaksiran. Wiggins & McTighe (2005) menyarankan prinsip Understanding by Design (UbD) dengan konsep ‘backward design’.

- 2.2.2 Penajaran konstruktif merujuk kepada prinsip yang digunakan untuk merangka aktiviti PdP serta tugas pentaksiran yang mengaitkan secara langsung hasil pembelajaran yang ingin dicapai dengan cara tidak lazim yang biasanya tidak boleh dicapai melalui kuliah tradisional, kelas tutorial dan peperiksaan.
- 2.2.3 Pendekatan pendidikan yang diamalkan di institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia perlulah lebih menekankan kepada hasil pembelajaran yang menjurus kepada peningkatan pengetahuan, kemahiran, adab dan sikap seperti yang digariskan dalam lapan Domain Hasil Pembelajaran (DHP) Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM).
- 2.2.4 Selaras dengan konsep OBE, penajaran konstruktif perlu berlaku di kedua-dua peringkat, iaitu di peringkat kursus dan program. Ini diperjelaskan melalui pemetaan antara semua Hasil Pembelajaran Kursus (*Course Learning Outcomes, CLO*) dalam kurikulum dengan PLO serta pemetaan antara PLO dengan PEO.
- 2.2.5 Hasil dari penajaran konstruktif iaitu memupuk graduan yang pendidik, berciri keusahawanan dan seimbang memerlukan transformasi serta anjakan minda dari segi reka bentuk kurikulum, aktiviti pembelajaran serta juga bentuk tugas yang digunakan untuk pentaksiran (Kementerian Pengajian Tinggi, 2016). Untuk mencapai matlamat pendidikan dalam OBE, tiga (3) domain pembelajaran yang terlibat adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 2.1**.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARikh PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 27/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		




Rajah 2.1 Domain Pembelajaran (Bloom, 1956). Sumber: Garis Panduan Pembangunan Program Akademik Universiti Awam Edisi Kedua, Jabatan Pendidikan Tinggi, 2018.

- 2.2.6 Setiap kursus dalam kurikulum program yang dibangunkan perlu mengambil kira domain pembelajaran berkenaan dalam menghasilkan pernyataan bagi CLO yang seterusnya akan diletakkan kepada PLO. Secara umumnya, CLO dan PLO terdiri daripada dua (2) komponen utama iaitu **kemahiran yang meliputi ilmu pengetahuan berkaitan bidang berkaitan serta kemahiran insaniah** yang merujuk kepada penguasaan terhadap kemahiran yang bersifat bukan akademik dan lebih memfokus kepada pembangunan kompetensi diri, personaliti dan kemanusiaan.
- 2.2.7 Bagi kemahiran yang meliputi ilmu pengetahuan dalam bidang berkaitan, panduan bagi pernyataan CLO dan PLO adalah merujuk kepada ketiga-tiga domain pembelajaran seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 2.1**. **Domain kognitif** secara umumnya melibatkan konsep pengetahuan dan perkembangan tingkah laku serta kemahiran daya fikir yang merujuk kepada aras kompleksiti contohnya, Taksonomi Bloom (1956). **Domain afektif** menerangkan perkembangan sikap, prinsip dan nilai manusia seperti yang dicadangkan oleh Krathwohl (1973) manakala **domain psikomotor** merujuk kepada dimensi fizikal pembelajaran yang melibatkan pergerakan secara fizikal, koordinasi dan kemahiran motor menurut Simpson (1972).
- 2.2.8 Bagi kemahiran insaniah pula, panduan bagi pernyataan CLO dan PLO adalah merujuk kepada definisi operasi kemahiran insaniah seperti yang digariskan dalam MQF 2.0.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARikh PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 28/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

- 2.2.9 Selaras dengan konsep penajaran konstruktif, aktiviti PdP yang dijalankan bagi sesuatu kursus dalam kurikulum program perlulah seajar dengan CLO. **Rajah 2.2** menunjukkan contoh setiap domain pembelajaran yang disusun bermula daripada aras tinggi kepada rendah mengikut Anderson et al. (2001) (Revised Bloom's Taxonomy 2001).



Rajah 2.2 Contoh Domain Pembelajaran Mengikut Aras (Anderson et al.,2001)
 Sumber: Garis Panduan Pembangunan Program Akademik Universiti Awam Edisi Kedua, Jabatan Pendidikan Tinggi, 2018.

2.3 PENJAJARAN KONSTRUKTIF DALAM PENILAIAN DAN PENTAKSIRAN

- 2.3.1 Pentaksiran memainkan peranan penting dalam konsep penajaran konstruktif (**Rajah 2.3**). Proses pentaksiran dalam kursus akan membantu memastikan sama ada CLO telah tercapai seperti yang diharatkann. Selain itu, pentaksiran juga dapat memberi maklum balas tentang keberkesanan aktiviti PdP yang dijalankan.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARikh PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 29/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

- 2.3.2 Secara umumnya, terdapat dua (2) jenis pentaksiran dalam kursus iaitu **formatif dan sumatif**. Pentaksiran formatif merujuk kepada pengumpulan data dan maklum balas keputusan yang dijalankan secara berterusan yang bertujuan membolehkan pelajar melakukan penambahbaikan berterusan terhadap pembelajaran serta aktiviti PdP yang berkaitan.
- 2.3.3 Pentaksiran sumatif pula direka bentuk untuk menghasilkan maklumat yang dapat digunakan untuk membuat keputusan tentang kejayaan pelajar secara keseluruhan iaitu merujuk kepada penggredan.



Rajah 2.3 Konsep Penjajaran konstruktif

Sumber: Rubrik PNGK Bersepadu (iCGPA) Panduan Pentaksiran Hasil Pembelajaran Kementerian Pendidikan Tinggi 2016; *Playbook Pengajaran dan Pembelajaran dalam talian*

- 2.3.4 Sejajar dengan pendekatan pendidikan ini, maka tugas pentaksiran serta aktiviti pembelajaran perlu disepadukan dengan hasil (HPK CLO) yang dihasratkan oleh kursus tersebut. Proses kesepaduan yang dimaksudkan atau Penjajaran Konstruktif (Biggs, 1996) adalah:

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARikh PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 30/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

- a** Hasilkan pernyataan CLO yang menggariskan tahap kompetensi yang sepatutnya dicapai oleh pelajar selepas tamat kursus
- b** Nyatakan dan perincikan tugas yang paling sesuai yang perlu pelajar lakukan (sertakan juga rubrik penskoran) agar mereka boleh perlihatkan prestasi pencapaian hasil pembelajaran tersebut
- c** Sediakan aktiviti pembelajaran supaya semua pelajar berpeluang melibatkan diri untuk mencapai tahap kompeten seperti mana yang dihasratkan dalam pernyataan hasil pembelajaran

Sumber: Rubrik PNGK Bersepadu (iCGPA) Panduan Pentaksiran Hasil Pembelajaran Kementerian Pendidikan Tinggi 2016.



Rajah 2.4 Pemetaan Penjajaran Konstruktif Kursus kepada Domain Hasil Pembelajaran KKM dan Perincian Tugasan.

Sumber: Rubrik PNGK Bersepadu (iCGPA) Panduan Pentaksiran Hasil Pembelajaran Kementerian Pendidikan Tinggi 2016; 5 Clusters of Learning Outcomes MQF2.0 (JPT, MOHE-2022).


2.3.5 **Rajah 2.4** menunjukkan perkaitan pemetaan penjajaran konstruktif kursus kepada DHP KKM, perincian tugas dan juga rubrik pentaksiran yang sesuai digunakan untuk menentukan tahap pencapaian pelajar bagi tugas tersebut. Seterusnya,

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 31/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

penajaran konstruktif perlulah disusuli dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran serta kaedah pengukuran dan pentaksiran yang sepadan.

- 2.3.6 Penajaran ini dirangka secara khusus oleh pengurusan program akademik pada peringkat awal program tersebut yang seharusnya bersesuaian dengan kehendak pemegang taruh program tersebut. Semua PLO perlu disokong oleh kosa ilmu (*body of knowledge*) yang jelas dalam bentuk kursus-kursus yang sesuai dan pemetaan PLO dengan kursus boleh dirujuk sebagai peta kurikulum bagi program akademik tersebut. ***Matriks kurikulum*** merupakan satu komponen penting yang akan menjadi unsur kekuatan program tersebut.
- 2.3.7 Berdasarkan Model Penajaran Konstruktif oleh Biggs (**Rajah 2.5**), penajaran konstruktif ini diterjemahkan kepada penajaran setiap kursus yang ada dalam kurikulum tersebut kepada penetapan PLO yang perlu dicapai. Pencapaian PLO ini dibuat dengan melibatkan kaedah pengukuran dan pentaksiran secara terus daripada aktiviti pengajaran dan pembelajaran kursus tersebut. Dalam setiap kursus, beberapa PLO sasaran dipetakan kepada CLO yang boleh melibatkan ketiga-tiga domain pembelajaran, iaitu domain kognitif, psikomotor dan afektif.
- 2.3.8 Penetapan pemberat bagi mencapai setiap PLO ini juga dirancang di bawah penajaran konstruktif kurikulum. Melalui penajaran ini, pencapaian CLO pelajar di peringkat kursus dan pencapaian PLO di peringkat program dinilai melalui skor dan markah yang diperolehi daripada komponen pentaksiran pelajar seperti kerja berpasukan, kerja lapangan, laporan projek, pembentangan dan peperiksaan.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARikh PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 32/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		




Rajah 2.5 Model Penajaran Konstruktif oleh Biggs.

Sumber: Rubrik PNGK Bersepadu (iCGPA) Panduan Pentaksiran Hasil Pembelajaran Kementerian Pendidikan Tinggi 2016.

- 2.3.9 Bagi mencapai objektif PdP yang berkesan, elemen penajaran konstruktif merupakan asas dalam perancangan dan pelaksanaan. Sesuatu PdP-DT yang efektif mengambil kira Jam Pembelajaran Pelajar (JPP) atau *Student Learning Time* (SLT). **Rajah 2.6** menunjukkan contoh kata kerja yang digunakan bagi ketiga-tiga domain pembelajaran, iaitu domain kognitif, psikomotor dan afektif.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARikh PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 33/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		



Rajah 2.6 Contoh kata kerja yang digunakan bagi ketiga-tiga domain pembelajaran, iaitu domain kognitif, psikomotor dan afektif.

2.4 DOMAIN HASIL PEMBELAJARAN / KLUSTER MQF 2.0

- 2.4.1 MQF Edisi Kedua mengelompokkan lapan (8) domain hasil pembelajaran kepada lima (5) kluster hasil pembelajaran yang perlu ada dalam setiap program pengajian. Pengelompokan ini selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).
- 2.4.2 Pemetaan domain PLO dan deskripsi PLO generik adalah berdasarkan kluster hasil pembelajaran MQF Edisi Kedua.
- 2.4.3 **Jadual 2.1** mencadangkan domain pembelajaran yang dominan bagi setiap hasil pembelajaran.

Jadual 2.1 Pemetaan Kluster Hasil Pembelajaran, Domain Hasil Pembelajaran dan Domain Pembelajaran Dominan

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 34/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

KLUSTER HASIL PEMBELAJARAN		DOMAIN HASIL PEMBELAJARAN	DOMAIN PEMBELAJARAN DOMINAN
1	Pengetahuan dan Kefahaman	Pengetahuan dan Kefahaman	Kognitif
2	Kemahiran Kognitif	Kemahiran Kognitif	Kognitif
3	Kemahiran kerja berfungsi	Kemahiran Praktikal	Psikomotor
		Kemahiran Interpersonal	Afektif
		Kemahiran Komunikasi	Afektif
		Kemahiran Digital	Kognitif/ Psikomotor/ Afektif
		Kemahiran Numerasi	Kognitif
		Kepimpinan, Autonomi dan Tanggungjawab	Afektif
4	Kemahiran personal dan Keusahawanan	Kemahiran Personal	Afektif
		Kemahiran Keusahawanan	Afektif
5	Etika dan Profesionalisme	Etika dan Profesionalisme	Afektif

Sumber: 5 Clusters of Learning Outcomes MQF2.0 (JPT, MOHE-2020)

*Domain pembelajaran dominan boleh dikembangkan ke domain pembelajaran lain bergantung kepada disiplin pengajian.

2.5 PELAN PENGAJARAN KURSUS

- 2.5.1 Pelan pengajaran melibatkan penyediaan maklumat kursus (*Table 4*) yang perlu disediakan bersama dengan Rancangan Kerja (*Scheme of Work – SOW*). Pelan Pengajaran kursus melibatkan rancangan mengajar pensyarah mengikut minggu bagi topik modul kursus, aktiviti, pentaksiran dan senarai bahan rujukan untuk kursus tersebut serta penyediaan maklumat kursus. Penyediaan pelan pengajaran kursus perlulah dilaksanakan dua minggu sebelum semester bermula.
- 2.5.2 Semua pensyarah akan diberikan maklumat perincian tentang PdP (info kursus, senarai pelajar dan jadual) melalui sistem eComm UMK. Pensyarah perlulah mematuhi jadual waktu kuliah dan jadual pengajaran mingguan dalam Rancangan Kerja (*Scheme of Work*) yang telah ditetapkan bagi setiap kursus untuk mengelakkan daripada pertembungan waktu pertemuan. Pensyarah juga perlu memastikan Hasil Pembelajaran Kursus (HPK) pelajar dicapai sepenuhnya.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARikh PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 35/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

2.6 PENYEDIAAN MAKLUMAT KURSUS (*TABLE 4*)

- 2.6.1 Bahagian ini menjelaskan secara menyeluruh mengenai maklumat kursus (*Table 4*). Komponen maklumat kursus pada templat terkini adalah terdiri daripada tiga belas (13) perkara seperti berikut:
1. Nama, Kod dan Klasifikasi Kursus.
 2. Sinopsis.
 3. Staf Akademik.
 4. Semester dan Tahun Ditawarkan.
 5. Jam Kredit.
 6. Prasyarat.
 7. Hasil Pembelajaran Kursus.
 8. Pemetaan Hasil Pembelajaran Kursus dengan Hasil Pembelajaran Program, Kaedah Pengajaran dan Kaedah Pentaksiran (Penajaran Konstruktif).
 9. Kemahiran Boleh Pindah.
 10. Pembahagian Jam Pembelajaran Pelajar.
 11. Keperluan Khas.
 12. Rujukan Utama.
 13. Rujukan Tambahan.
- 2.6.2 Bagi perkara 1 iaitu Nama, Kod dan Klasifikasi Kursus, penyelaras kursus perlu menyatakan tiga komponen Maklumat Kursus (*Table 4*) seperti dalam **Rajah 2.7** dan **Rajah 2.8** bagi contoh pengisian bagi perkara 1.

1	Course Name:	
	Course Code:	
	Course Classification:	

Rajah 2.7 Tangkap layar bagi Perkara 1 dalam komponen fail kursus

Sumber: Modul Amalan Baik Pendidikan Berasaskan Hasil (*Outcome-Based Education-OBE*), UMK-AKEPT; Table 4 (MQA, 2019)

- a) Nama Kursus: Penamaan kursus seperti yang terdapat dalam struktur program pengajian yang ditawarkan.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 36/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

- b) Kod Kursus: Penamaan kod kursus seperti yang terdapat dalam struktur program pengajian yang ditawarkan.
- c) Klasifikasi Kursus: Terdapat lima perkara dalam pilihan klasifikasi kursus, iaitu Kursus *Compulsory*, Kursus *Major (core)*, Kursus *Minor*, Kursus *Elective (core)*, Kursus *Elective (open/free)*. Penyelaras kursus perlu memilih satu klasifikasi yang tepat berkenaan kursus yang dinyatakan dalam struktur program pengajian yang ditawarkan.
 - Kursus *Compulsory* merupakan kursus yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dalam silibus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) dan kursus umum yang diwajibkan kepada setiap pelajar.
 - Kursus *Major (core)* merupakan kursus teras program pengajian yang wajib diikuti oleh pelajar.
 - Kursus *Minor* merupakan kursus yang diambil oleh pelajar dalam program pengajian *Major-Minor*. Program pengajian yang mempunyai bidang pengajian minor merangkumi 25-30% pengetahuan dalam bidang pengajian lain daripada bidang utama. Program jenis ini menggunakan kata hubung ‘dengan’ (*with*) antara bidang utama dan bidang pengajian lain. Contohnya Sarjana Muda Ekonomi dengan Matematik/ *Bachelor in Economics with Mathematics*.
 - Kursus *Elective (core)* merupakan kursus elektif yang boleh dipilih oleh pelajar daripada senarai pengkhususan program pengajian.
 - Kursus *Elective (open/free)* merupakan kursus-kursus lain yang boleh dipilih oleh pelajar selain daripada kursus-kursus yang ditawarkan oleh program pengajian sedia ada.

Contoh: Bagi kursus SCA 2043 Skrip dan Papan Cerita (Kursus Elektif)

1	Course Name:	Skrip dan Papan Cerita
	Course Code:	SCA 2043
	Course Classification:	Elective (core)

Rajah 2.8 Tangkap Layar bagi Contoh Cara Pengisian Perkara 1

Sumber: Modul Amalan Baik Pendidikan Berasaskan Hasil (*Outcome-Based Education-OBE*), UMK-AKEPT

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARikh PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 37/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

- 2.6.3 Bagi perkara 2 iaitu sinopsis, kandungan sinopsis adalah terdiri daripada satu (1) perenggan penerangan berbentuk rumusan yang mengandungi peranan kursus ini ditawarkan kepada pelajar, hasil pembelajaran kursus, strategi PdP dan pentaksiran kursus ini.

Contoh penulisan Sinopsis bagi kursus CWT3103 Metodologi Penyelidikan:

Kursus ini bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran asas serta memupuk minat pelajar dalam bidang penyelidikan. (**Peranan Kursus**)
 Antara aspek yang akan dibincangkan ialah kaedah penyelidikan, kajian lepas, teknik menganalisis data dan banyak lagi. (**Strategik PdP**)
 Para pelajar akan dinilai melalui tugas berdasarkan teori dan praktikal bagi setiap topik yang diberikan. (**Pentaksiran**)
 Pada akhir kursus, pelajar akan dapat memahami cara menjalankan penyelidikan secara kualitatif mahupun kuantitatif. (**CLO**)

Sumber: Modul Amalan Baik Pendidikan Berasaskan Hasil (*Outcome-Based Education-OBE*), UMK-AKEPT

- 2.6.4 Perkara 3 iaitu staf akademik yang merujuk kepada nama penuh staf akademik yang berkelayakan dan dilantik untuk mengendalikan kursus.

3	Name(s) of Academic Staff:	1 DR NORDIANA BINTI AB JABAR
		2
		3

Rajah 2.9 Tangkap Layar bagi Perkara 3 dalam Komponen Maklumat Kursus

Sumber: Modul Amalan Baik Pendidikan Berasaskan Hasil (*Outcome-Based Education-OBE*), UMK-AKEPT

- 2.6.5 Perkara 4 iaitu semester dan tahun ditawarkan, penyelaras kursus perlu memilih semester dan tahun ditawarkan dengan merujuk struktur penawaran program. Jika ada sebarang maklumat tambahan pada Perkara 4, penyelaras kursus boleh menyatakan dalam ruangan *Remarks*, iaitu jenis kursus Teras atau Elektif atau Semester Lazim atau Semester Pendek.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARikh PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 38/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

- 2.6.6 Perkara 5 iaitu jam kredit, *Malaysian Qualifications Framework*, MQF (Kerangka Kelayakan Malaysia) mentakrifkan bahawa satu (1) jam kredit bersamaan empat puluh (40) jam Notional *SLT*.
- 2.6.7 Perkara 6 iaitu prasyarat merujuk kepada kursus yang wajib lulus oleh pelajar sebelum pelajar mengambil kursus yang seterusnya.
- 2.6.8 Perkara 7 iaitu hasil pembelajaran kursus (CLO) adalah pernyataan yang menjelaskan tentang apa yang seseorang pelajar perlu ketahui, fahami dan lakukan sebaik sahaja beliau menyempurnakan tempoh pengajian (COPPA, 2017). Penulisan hasil pembelajaran kursus perlu menepati beberapa kriteria, iaitu ia hendaklah boleh dicapai, diperhati, diukur dan ditaksir. Ia perlu dirangka berdasarkan Domain Kognitif, Psikomotor dan Afektif. **Rajah 2.10** adalah contoh tangkap layar pengisian perkara 7. Penulisan CLO terdiri daripada gabungan kata kerja, situasi dan standard. Kata kerja yang digunakan mesti mencerminkan tahap pentaksiran sama ada rendah, sederhana atau tinggi berdasarkan Domain Kognitif, Psikomotor atau Afektif yang ingin ditaksir.

 	CLO1	Menerangkan teori, prinsip, dan proses yang terlibat dalam penghasilan seni visual digital secara menyeluruh (PLO1, C2) Explain the theory, principal, and processes in the digital visual art making comprehensively. (PLO1, C2)
	CLO2	Menunjukkan karya seni visual dengan menggunakan perisian komputer secara asas (PLO2, P2) Show the visual artwork by using basic computer software (PLO2, P2)
	CLO3	Membentangkan hasil karya seni yang lengkap secara portfolio dan lisan (PLO5, A2, CS3) Present the complete final artworks by portfolio and verbally (PLO5, A2, CS3)

Rajah 2.10 Tangkap layar contoh pengisian hasil pembelajaran kursus (CLO)

Sumber: Modul Amalan Baik Pendidikan Berasaskan Hasil (*Outcome-Based Education-OBE*), UMK-AKEPT

- 2.6.9 Perkara 8 iaitu Pemetaan Hasil Pembelajaran Kursus dengan Hasil Pembelajaran Program, Kaedah Pengajaran dan Kaedah Pentaksiran (Penajaran Konstruktif).

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARikh PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 39/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

Setiap CLO yang ditetapkan perlu dipetakan kepada hasil pembelajaran program (PLO). PK perlu menetapkan kaedah pengajaran dan kaedah pentaksiran untuk setiap CLO.

2.6.10 **Rajah 2.11** menunjukkan contoh tangkap layar pengisian perkara 8. Dalam contoh yang ditunjukkan, CLO 1 dipetakan pada PLO 1 (Pengetahuan) bagi program yang ditawarkan. CLO 2 kepada PLO 2 (Kemahiran Praktikal) dan CLO 3 kepada PLO 5 (Kemahiran Komunikasi, Kepimpinan dan Kerja Berkumpulan). Kaedah pengajaran untuk semua CLO perlu ditetapkan di ruangan Teaching Method. Antara kaedah pengajaran yang boleh digunakan adalah kuliah, tutorial, studio, makmal, kajian lapangan dan pembelajaran dalam talian bergantung kepada keperluan kursus. **Kaedah pengajaran** mestilah mampu untuk memenuhi keperluan CLO sama ada tahap tinggi, sederhana atau rendah. **Kaedah pentaksiran** yang dijalankan perlu dipetakan kepada CLO yang terdiri daripada pentaksiran berterusan (kuiz, pembentangan, ujian pertengahan semester, laporan dan lain-lain, pentaksiran akhir (peperiksaan akhir, kuiz, kajian kes, projek akhir, *Open Book Test*, pembentangan poster, E-Portfolio, tugas khas) dan pentaksiran alternatif.

8 Mapping of the Course Learning Outcomes to the Programme Learning Outcomes, Teaching Methods and Assessment Methods													
Course Learning Outcomes	Programme Learning Outcomes (PLO)											Teaching Methods	Assessment Methods
	PLO1	PLO2	PLO3	PLO4	PLO5	PLO6	PLO7	PLO8	PLO9	PLO10	PLO11		
CLO1	✓ =	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	Lecture, Online	Quiz
CLO2	-	✓ =	-	-	-	-	-	-	-	-	-	Tutorial, Online	Portfolio / Assignment
CLO3	-	-	-	✓ =	-	-	-	-	-	-	-	Tutorial, Online	XAD (Video/Online)
	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-		
	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-		
	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-		
	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-		
	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-		
	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-		
	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-		
	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-		
	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-		
Mapping with MQF Cluster of Learning Outcomes	C 2	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-		
	-	C 3	-	-	-	-	-	-	-	-	-		
	-	-	C 3	-	-	-	-	-	-	-	-		

Indicate the primary causal link between the CLO and PLO by ticking '✓' in the appropriate box.
 C1 = Knowledge & Understanding, C2 = Cognitive Skills, C3A = Practical Skills, C3B = Interpersonal Skills, C3C = Communication Skills, C3D = Digital Skills, C3E = Numeracy Skills, C3F = Leadership, Autonomy & Responsibility, C4A = Personal Skills, C4B = Entrepreneurial Skills, C5 = Ethics & Professionalism

Rajah 2.11 Tangkap Layar bagi Pemetaan CLO dengan PLO, Kaedah Pengajaran dan Kaedah Pentaksiran

Sumber: Modul Amalan Baik Pendidikan Berasaskan Hasil (*Outcome-Based Education-OBE*), UMK-AKEPT

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 40/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

2.6.11 Perkara 9 iaitu kemahiran boleh pindah yang merujuk kepada kemahiran yang dipelajari dalam kursus yang terdapat dalam Domain Afektif yang boleh digunakan dalam persekitaran lain. Terdapat sembilan (9) **Kemahiran Boleh Pindah** yang boleh dipilih mengikut kesesuaian hasil pembelajaran kursus iaitu;

- Kemahiran Kognitif (*Cognitive Skills*) merujuk kepada pengetahuan lanjutan, komprehensif, teoretikal dan teknikal serta menunjukkan kemahiran yang relevan dalam bidang kursus, atau bersifat multi disiplin yang berkaitan dengan bidang pengajian.
- Kemahiran Interpersonal (*Interpersonal Skills*) merujuk kepada kemahiran untuk berkomunikasi secara interaktif termasuklah kemahiran kolaboratif dalam menguruskan anggota pasukan yang berlainan nilai sosial dan budaya yang berbeza.
- Kemahiran Digital (*Digital Skills*) merujuk kepada kemahiran menggunakan maklumat/teknologi digital untuk tujuan pembelajaran. Kemahiran ini merangkumi kebolehan untuk mengurus sumber yang digunakan dan menyimpan maklumat; memproses data, dan menggunakan aplikasi digital untuk menyelesaikan masalah serta beretika dalam mengaplikasikan kemahiran digital.
- Kemahiran Kognitif Numerasi (*Numeracy Skills*) merujuk kepada kebolehan menggunakan, mentaksir dan menyampaikan data numerasi/angka untuk menyelesaikan masalah dalam persekitaran lain.
- Kepimpinan, Autonomi dan Pertanggungjawaban (*Leadership, Autonomy and Responsibility*) merujuk kepada kebolehan untuk bekerja secara autonomi serta berkepimpinan dan bersikap profesional dalam menguruskan sesebuah kumpulan/organisasi. Kemahiran ini merangkumi keupayaan membuat keputusan dan bersikap profesional dalam mencapai matlamat akhir tugas dan bertanggungjawab atas keputusan yang diambil.
- Kemahiran Personal (*Personal Skills*) adalah kemahiran yang digunakan dalam kehidupan seharian. Kemahiran ini biasanya ditunjukkan melalui keinginan untuk pembelajaran kendiri, pembangunan intelektual dan diri dengan menunjukkan keyakinan, kawalan diri, kemahiran sosial, beretika serta komited terhadap profesionalisme dalam persekitaran pembelajaran. Ia juga merangkumi keupayaan untuk merancang pembangunan kerjaya atau pendidikan lanjutan.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARikh PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 41/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

- Kemahiran Keusahawanan (*Entrepreneurial Skills*) merujuk kepada kemahiran memulakan inisiatif sendiri untuk belajar dan berkembang secara profesional dari segi atribut keusahawan.
- Etika dan Profesionalisme (*Ethics and Professionalism*) merujuk kepada kemampuan untuk mematuhi dan mengenal pasti isu berkaitan etika, membuat keputusan secara beretika, dan menangani masalah secara beretika dan profesional dalam pelbagai persekitaran sosial dan profesional. Ia juga merangkumi pengetahuan yang mendalam mengenai isu-isu tempatan dan global yang berkaitan dengan sains, teknologi, keusahawanan, sosial dan persekitaran.

2.6.12 Perkara 10 iaitu Jam Pembelajaran Pelajar (Student Learning Time, SLT) merupakan masa pembelajaran berkesan atau jumlah masa pelaksanaan keseluruhan aktiviti PdP pelajar yang digunakan untuk mencapai CLO yang ditetapkan. Konsep SLT dapat diterjemahkan satu (1) Unit@Kredit: empat puluh (40) Jam Nasional kepada dua (2) komponen utama, iaitu: 1. Masa Pembelajaran 2. Masa Pentaksiran Formal. **Rajah 2.12** menunjukkan contoh tangkap layar pengisian perkara 10.

Course Content Outline and Subtopics	CLO*	Learning and Teaching Activities**								Total SLT	
		Face-to-Face (F2F)									
		Physical				Online/ Technology-mediated (Synchronous)					
		L	T	P	O	L	T	P	O		
1 Pengenalan, Definisi Dan Sejarah Komputer	CLO 1 CLO 2	1				2				3	

Rajah 2.12 Tangkap Layar Perkara 10 Pembahagian Jam Pembelajaran Pelajar dalam Komponen Maklumat Kursus (*Table 4*)

Sumber: Modul Amalan Baik Pendidikan Berasaskan Hasil (*Outcome-Based Education-OBE*), UMK-AKEPT

2.6.13 Perkara 11 iaitu keperluan khas merujuk kepada keperluan khas bagi proses PdP kursus yang ditawarkan. Contoh keperluan khas termasuklah perisian komputer, makmal komputer, makmal kimia, bilik pembedahan, bilik operasi, bilik

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARikh PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 42/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

penyuntingan dan mana-mana keperluan khas yang diperlukan dalam memastikan proses PdP dapat berjalan.

- 2.6.14 Perkara 12 (Rujukan utama) ini merujuk kepada senarai sumber rujukan utama terkini yang digunakan dalam kursus yang ditawarkan. Senarai rujukan mestilah ditulis mengikut format American Psychological Association (APA) secara alphabetical orders.
- 2.6.15 Perkara 13 iaitu maklumat tambahan merangkumi rujukan lanjutan yang digunakan dalam kursus (tidak terhad kepada sumber berbentuk literatur sahaja, rujukan lain yang berbentuk media lain boleh disenaraikan di sini). Senarai maklumat tambahan mestilah ditulis mengikut format APA secara urutan abjad.
- 2.6.16 Bagi penyediaan maklumat kursus (*Table 4*), info yang diperlukan perlulah dimasukkan ke dalam sistem portal UMK (portal.umk.edu.my). Untuk amalan baik penyediaan maklumat kursus (*Table 4*), bolehlah merujuk kepada Bahagian 6: Panduan Amalan Baik dan Sub Modul: Penulisan Maklumat Kursus (Format MQA-*Table 4*), Modul Amalan Baik Pendidikan Berdasarkan Hasil (*Outcome-Based Education-OBE*), UMK-AKEPT
- 2.6.17 Maklumat kursus (*Table 4*) hendaklah dimasukkan mengikut info yang diperlukan dalam sistem portal. Kriteria dalam maklumat kursus yang dimasukkan perlulah berdasarkan MQA atau badan professional akreditasi program (etc. MBOT).

2.7 PENYEDIAAN RANCANGAN KERJA (SCHEME OF WORK – SOW)

- 2.7.1 Rancangan Kerja adalah dokumen yang disediakan oleh pensyarah untuk memperincikan pelan kursus sepanjang tempoh pengajaran. Ia membantu untuk mengurus aktiviti-aktiviti pelajar seperti kuiz, peperiksaan dan lain-lain untuk menjadikan perancangan mengajar lebih tersusun.
- 2.7.2 Struktur SOW mengikut aktiviti mingguan, seperti tugas dan kuiz bolehlah dimaklumkan kepada pelajar seperti mana yang dirancangkan bagi kursus pada keseluruhan semester. SOW juga merangkumi perancangan topik pada setiap minggu beserta perancangan aktiviti dan pentaksiran yang dijalankan. Bahagian

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARikh PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 43/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

ini menjelaskan secara menyeluruh mengenai maklumat Rancangan Kerja (*Scheme of Work – SOW*). Ia terdiri daripada:

i. **Silibus**

Perancangan setiap topik dan sub topik kursus bagi setiap minggu pembelajaran serta jam pembelajaran pelajar bagi setiap topik yang diperincikan dalam rancangan mengajar.

ii. **Kaedah Penyampaian**

Kaedah penyampaian bagi pengajaran setiap topik diperincikan berdasarkan pembelajaran secara bersemuka, hibrid atau dalam talian beserta aktiviti pembelajaran yang dirancang bagi setiap topik.

iii. **Pentaksiran**

Perancangan aktiviti pentaksiran yang telah ditetapkan perlu dilaksanakan oleh pensyarah kursus dimasukkan dalam rancangan mengajar berkaitan pelaksanaan pentaksiran untuk makluman pelajar.

- 2.7.3 Rancangan Kerja perlulah disediakan oleh pensyarah dalam jangka masa dua minggu sebelum semester bermula. Bagi penyediaan *SOW*, info yang diperlukan perlulah dimasukkan ke dalam borang *SOW* dan perlulah dihantar kepada pihak fakulti untuk pengesahan dan seterusnya disahkan oleh ketua Jabatan. Pensyarah dibenarkan untuk membuat perubahan *SOW* sekiranya perlu dan boleh dibincangkan di peringkat jabatan (CQI). Untuk amalan baik penyediaan Rancangan Kerja (*Scheme of Work – SOW*), bolehlah merujuk kepada Bahagian 6: Panduan Amalan Baik.

2.8 PEMILIHAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)

- 2.8.1 Pensyarah perlulah memilih aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang akan dijalankan dalam pelan perancangan pengajaran melalui aktiviti pembelajaran secara segerak dan tidak segerak. PdP segerak yang efektif dan bermakna kepada pelajar adalah interaksi secara aktif (real time) berlaku semasa sesi PdP segerak. Pembelajaran tidak segerak mempunyai elemen sumber pembelajaran serta interaksi aktif antara pelajar dengan sumber pembelajaran tersebut. Oleh kerana itu, tugas pensyarah ialah untuk mereka bentuk interaksi

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARikh PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 44/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		


pelajar dengan sumber pembelajaran serta memberikan maklum balas kepada interaksi pelajar pada masa yang berpatut.



Rajah 2.13 Contoh Aktiviti PdP (Sumber: Garis Panduan Pembangunan Program Akademik Universiti Awam Edisi Kedua, Jabatan Pendidikan Tinggi, 2018)

- 2.8.2 **Rajah 2.13** menunjukkan contoh aktiviti PdP yang berfokuskan prinsip Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (*Student-Centered Learning, SCL*). Bagi memenuhi keperluan Kurikulum Tersedia Masa Hadapan (KTMH), Universiti Awam (UA) adalah disarankan untuk menggunakan aktiviti PdP abad ke-21 seperti *heutagogy*, *peeragogy* dan *cybergogy*. Aktiviti PdP yang dijalankan juga perlu disokong oleh ruang pembelajaran serta elemen 4IR teknologi futuristik seperti *learning and data analytics*, *augmented reality*, *3D printing*, *cloud computing*, *gamification*, *biometric*, *robotic*, *artificial intelligence (AI)* dan *Internet of Things (IoT)*.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARikh PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 45/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		




Rajah 2.14 Contoh aktiviti PdP dalam platform e-campus UMK

- 2.8.3 **Rajah 2.14** menunjukkan contoh aktiviti PdP yang boleh dilaksanakan melalui platform e-campus UMK. Pelbagai aktiviti pengajaran boleh dijalankan iaitu melalui forum, *game* dan *interactive content* yang lebih berfokuskan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (*Student-Centered Learning, SCL*).
- 2.8.4 Pakar bidang dan pembangun kursus perlu menetapkan kaedah penyampaian yang bersesuaian dan pelbagai bagi mencapai hasil pembelajaran. Kaedah terkini berasaskan teknologi digital seperti MOOC, Pembelajaran Teradun dan Microcredential perlu digalakkan bersesuaian dengan keadaan dan kehendak generasi semasa. Pensyarah boleh menggunakan kreativiti dalam menyediakan bahan-bahan PdP yang menarik seperti latihan, rakaman video, rakaman suara, pautan-pautan yang sesuai dan sebagainya.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARikh PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 46/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

2.9 CARTA ALIR DAN PROSES KERJA PERANCANGAN KURSUS DALAM SATU SEMESTER

- 2.9.1 Proses kerja bagi perancangan kursus adalah pensyarah perlu menghantar rancangan kerja (*Scheme of Work – SOW*) dalam jangka masa dua minggu sebelum semester bermula. **Rajah 2.15** menunjukkan carta alir bagi proses kerja perancangan kursus.



Rajah 2.15 Carta alir bagi proses kerja perancangan kursus

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 47/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

2.10 RUMUSAN

Secara keseluruhannya, garis panduan ini membincangkan secara khusus berkenaan proses yang terlibat dalam aktiviti perancangan dan penyampaian kursus pensyarah bagi penyediaan pelan pengajaran, penajaran konstruktif dan pemilihan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang boleh dilaksanakan. Diharapkan garis panduan ini dapat membantu para pensyarah memahami secara keseluruhannya proses kerja yang terlibat dalam pelan perancangan kursus sebelum semester bermula.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARikh PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 48/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

BAHAGIAN 3 :

MOD PENYAMPAIAN PENGAJARAN

3.1 PENGENALAN

- 3.1.1 Bahagian ini akan menjelaskan berkenaan mod penyampaian Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang boleh dilaksanakan oleh seseorang pensyarah. Perincian bahagian ini akan dibahagikan kepada beberapa subtopik utama iaitu aplikasi dalam mod penyampaian, pembelajaran konvensional (bersemuka), pembelajaran dalam talian dan pembelajaran secara hibrid.
- 3.1.2 Melalui bahagian ini, pensyarah akan dapat mengenal pasti dan menentukan teknik terbaik yang boleh digunakan untuk memastikan proses PdP dapat dijalankan dengan terancang dan sistematik.

3.2 KAEADAH DAN MOD PENYAMPAIAN PDP

- 3.2.1 Terdapat DUA (2) cadangan mod/ teknik yang boleh digunakan oleh seorang pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi sesuatu kursus iaitu:
 - i. Bersemuka – secara berhadapan (face-to-face)/ dalam talian/ hibrid
 - ii. Tidak bersemuka – secara segerak/ tidak segerak
- 3.2.2 Proses PdP perlu dilakukan mengikut kesesuaian dan bilangan pelajar dalam sesuatu kuliah/ tutorial dengan mengambil kira faktor-faktor lain seperti keperluan kursus (mengikut hasil pembelajaran/ CLO) dan pengisian kandungan kursus.
- 3.2.3 Berikut adalah ringkasan kepada cadangan mod/teknik penyampaian yang boleh digunakan oleh seseorang pensyarah dan diikuti dengan penjelasan lebih lanjut.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 49/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

Jadual 3.1: Cadangan Mod dan Teknik Penyampaian dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Elemen	Mod/ Teknik Penyampaian				Tidak Bersemuka	
	Bersemuka			Hibrid		
	Fizikal	Dalam talian				
Konsep	Berlaku secara langsung dan terus antara pensyarah dengan pelajar.	Berlaku antara pensyarah dan pelajar berada di ruang maya yang sama pada masa sebenar (<i>real-time</i>). Mereka tidak perlu berada secara fizikal di tempat dan lokasi yang sama. Lebih dikenali dengan PdP dalam talian secara segerak (<i>Synchronous</i>).	Berlaku secara bersemuka dan/ atau secara dalam talian di peringkat program, kursus dan/ atau kuliah mingguan.	Berlaku bukan dalam masa sebenar (<i>non real-time</i>). Komunikasi antara pengajar dan pelajar berlaku bukan sahaja di lokasi yang berlainan, tetapi juga pada masa yang berlainan. Lebih dikenali dengan PdP dalam talian secara tidak segerak (<i>Asynchronous</i>)		

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARikh PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 50/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

Elemen	Mod/ Teknik Penyampaian			Tidak Bersemuka	
	Bersemuka				
	Fizikal	Dalam talian	Hibrid		
Kaedah	<p>Terdapat dua jenis kaedah dalam pembelajaran bersemuka iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Pembelajaran berpusatkan pensyarah (<i>teacher centered learning</i>). b. Pembelajaran berpusatkan pelajar (<i>student-centered learning</i>). 	<ul style="list-style-type: none"> a. Pembelajaran secara segerak ini adalah berdurasi selama 1 jam dan melibatkan telesidang, webinar dan audio masa-nyata. b. Pembelajaran aktiviti segerak boleh melibatkan alatan interaksi masa- nyata seperti perbincangan, forum, pembentangan, perbahasan dan konsultansi. 	<p>Pensyarah boleh memilih lima (5) pilihan ini ketika merancang pembelajaran secara PTG iaitu</p> <ul style="list-style-type: none"> a. 7:7 (7 minggu <i>online</i> dan 7 minggu <i>offline</i>) b. 4:10 (4 minggu <i>online</i> dan 10 minggu <i>offline</i>) c. 6:8 (6 minggu <i>online</i> dan 8 minggu <i>offline</i>) d. 8:6 (8 minggu <i>online</i> dan 6 minggu <i>offline</i>) e. 10: 4 (10 minggu <i>online</i> dan 4 minggu <i>offline</i>) 	<ul style="list-style-type: none"> a. Bahan pembelajaran yang berdurasi 1 jam atau video berdurasi 10 minit yang ianya melibatkan rakaman video, animasi dan multimedia). b. Bahan PdP perlu disediakan bagi 1 jam kuliah pembelajaran. Manakala, untuk aktiviti secara dalam talian pensyarah perlu memperuntukkan masa selama satu minggu bagi pelajar menyelesaikan tugas yang diberi. 	



**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR
(AKADEMIK & ANTARABANGSA)**

UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01

**GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA
KELANTAN**

PINDAAN : 1
TARIKH PINDAAN :
29 MAC 2022
MUKA SURAT: 51/108

Elemen	Mod/ Teknik Penyampaian		
	Bersemuka		Tidak Bersemuka
	Fizikal	Dalam talian	

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 52/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

Elemen	Mod/ Teknik Penyampaian			Tidak Bersemuka	
	Bersemuka				
	Fizikal	Dalam talian	Hibrid		
Pelaksanaan	a. Pensyarah berfungsi dalam peranan menyampaikan maklumat kepada pelajar di dalam bilik kuliah. b. Pensyarah masih berada di dalam bilik kuliah tetapi lebih berfungsi sebagai jurulatih atau fasilitator kepada pelajar untuk menyelesaikan masalah dan bekerjasama secara berpasukan.	a. Pensyarah menjalankan sesi pembelajaran secara langsung dengan pelajar menggunakan <i>Aplikasi telesidang</i> atau pelantar saluran lain. b. Berkommunikasi secara interaktif dengan pelajar (komunikasi dua hala). c. Mengendalikan aktiviti pembelajaran secara dalam talian dan interaksi berlaku dalam masa nyata walaupun di lokasi geografi yang berbeza. d. Menjalankan pentaksiran masa nyata dengan pelajar menggunakan portal eCampus atau alat	a. Peranti pengajar menyertai <i>Aplikasi telesidang</i> (<i>On MIC & Camera</i>). b. Pelajar secara fizikal dan pelajar online memasuki <i>Aplikasi telesidang</i> (<i>On Camera</i> masing-masing). c. LCD memaparkan <i>Aplikasi telesidang</i> (pelajar Online, F2F & pengajar) ke MAIN SCREEN. d. LAPTOP sekali lagi menyertai <i>Aplikasi telesidang</i> (link sama, browser lain – ditetapkan “Mute Tab”, Off MIC & Camera). e. CAMERA merakam pengajar +	a. Tidak perlu menjalankan sesi secara langsung dengan pelajar. b. Tidak dapat berkomunikasi dengan pelajar secara interaktif (komunikasi sehala). c. Boleh mempunyai video pra-rakaman untuk menyokong rancangan pembelajaran secara dalam talian. d. Boleh merancang aktiviti pembelajaran dalam talian menggunakan alat pembelajaran secara dalam talian seperti forum, facebook dan lain-lain. e. Boleh melakukan pentaksiran secara asynchronous (bukan	



**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR
(AKADEMIK & ANTARABANGSA)**

UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01

**GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA
KELANTAN**

PINDAAN : 1
TARIKH PINDAAN :
29 MAC 2022
MUKA SURAT: 53/108

Elemen	Mod/ Teknik Penyampaian			Tidak Bersemuka	
	Bersemuka		Hibrid		
	Fizikal	Dalam talian			
		penilaian secara dalam talian yang lain.	pembentangan pelajaran (WHITEBOARD)/ share screen. f. Rakaman CAMERA dipaparkan ke MONITOR	masa sebenar) sebaik sahaja pensyarah menetapkan tarikh dan masa untuk pentaksiran secara dalam talian.	

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARikh PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 54/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

3.3 PEMBELAJARAN SECARA BERSEMUKA (*FACE-TO-FACE*)

- 3.3.1 Pembelajaran secara bersemuka merupakan proses pembelajaran dan pengajaran secara langsung dan terus antara pensyarah dengan pelajar atau dikenali sebagai pembelajaran secara konvensional. Pembelajaran ini berlaku sama ada sehala mahupun dua hala (*two way communication*) dimana guru menjalankan pengajaran secara bersemuka di dalam bilik kuliah.
- 3.3.2 Selain itu, masa dan ruang yang terhad kerana perjumpaan bersemuka (*face-to-face*) menyebabkan ia hanya boleh dilakukan di dalam kelas atau tempat tertentu. Komunikasi dalam pembelajaran konvensional selalunya bersifat sehala dan berpusatkan guru. Melalui kaedah ini, pelajar dapat berinteraksi dengan guru secara langsung dan bertanya secara terus jika mereka mempunyai sebarang keraguan terhadap perkara yang diajar.
- 3.3.3 Terdapat dua kaedah dalam pembelajaran bersemuka iaitu:
- i. **Pembelajaran berpusatkan Pensyarah (PBP) (*Teacher Centered Learning*).**
Adalah pendekatan yang lebih tradisional atau konvensional kerana pensyarah berfungsi menyampaikan maklumat kepada pelajar di dalam bilik kuliah, yang dijangka menerima secara pasif pengetahuan yang disampaikan.
 - ii. **Pembelajaran berpusatkan Pelajar (*Student-Centered Learning*).**
Kaedah di mana pensyarah masih berada di dalam bilik kuliah tetapi lebih berfungsi sebagai jurulatih atau fasilitator. Pelajar menerima peranan yang lebih aktif dan kolaboratif dalam pembelajaran mereka sendiri yang mana ianya menggabungkan dua sasaran iaitu menyelesaikan masalah dan bekerjasama secara berpasukan.

3.3 PEMBELAJARAN DALAM TALIAN (PDP-DT)

- 3.4.1 PdP-DT adalah pendekatan pengajaran dan pembelajaran dalam talian bagi menggantikan PdP yang telah dijadualkan untuk bersemuka secara fizikal. Ia merupakan kaedah Pembelajaran Berpusatkan Pelajar menerusi

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 55/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

Pembelajaran Teradun Gantian (PTG) mengikut masa dan tempat pembelajaran yang lebih fleksibel dan diperibadikan mengikut pelajar bagi mengoptimumkan konsep *Self Directedness, Self Accessed and Self Paced*- (SeDAP).

- 3.4.2 PTG bertujuan untuk mengupayakan pembelajaran dalam talian secara berstruktur dalam Jam Pembelajaran Pelajar (*Student Learning Time, SLT*) berdasarkan Formula 40:40:20. Garis panduan PdP Dalam Talian ini merujuk kepada Garis Panduan Pembelajaran Teradun Gantian (Pembelajaran Dalam Talian) terbitan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) 2020.
- 3.4.3 PdP memerlukan pensyarah bertanggungjawab untuk memantau dan memastikan pelajar aktif dalam pembelajaran dalam talian melalui laporan bagi setiap item e-pembelajaran. Sekiranya terdapat pelajar yang gagal atau lemah dalam setiap pentaksiran yang dibuat secara dalam talian, pensyarah perlu mengambil tindakan bersesuaian dalam memastikan tiada keciciran pelajar bagi kursus tersebut.
- 3.4.4 Rekod pelaksanaan kelas dalam talian dan penglibatan pelajar dalam aktiviti dalam talian tersimpan dalam eHadir di Portal eCampus yang diperoleh secara automatik setelah 3 elemen dibuat secara efektif. Ia akan disimpan sebagai bukti pelaksanaan pengajaran dan juga bukti kehadiran pelajar.
- 3.4.5 Pelaksanaan Kuliah adalah berlangsung mengikut Jadual Kuliah sedia ada namun ia berlangsung secara dalam talian. Bagi mengatasi kesukaran capaian internet digalakkan menggunakan PdP secara tidak segerak (*asynchronous*) serta eBahan berdasarkan teks dan bahan video yang telah ditetapkan.
- 3.4.6 Pelaksanaan PdP dalam talian perlu mengambil kira capaian internet pengajar dan murid. Kuliah dalam talian boleh dilaksanakan dalam julat antara 30% sehingga maksimum 80% daripada jumlah jam pembelajaran pelajar (SLT) secara bersemuka berdasarkan formula 40:40:20 (bahan PdP:Aktiviti PdP:Pentaksiran). Formula 40:40:20 adalah agihan kepada 30% hingga 80% daripada keseluruhan Jam Pembelajaran Pelajar (SLT) kepada tiga (3) elemen PTG. (PTG JPT 2020). Berikut adalah perinciannya:
- Penggunaan bahan pembelajaran (40%)**
 - Rakaman video, audio & skrin
 - Persembahan berbentuk penceritaan

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 56/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

- Animasi dan Perisian Web 2.0 Teaching Tools
- Simulasi/ Realiti Maya, Realiti Luasan/ Realiti Tergabung
- Syarahan dalam/luar kelas
- Kandungan interaktif
- Video praktikal/makmal
- Dan lain-lain yang bersesuaian

ii. Pelaksanaan aktiviti dalam talian menggunakan Web 2.0 Tools (40%)

- Kahoot
- Padlet
- LMS (cth: forum, chatting, dsb)
- Pembelajaran Kolaboratif
- Penggunaan open educational resources (OER)
- Personalized learning
- Self directed learning
- Micro learning, dan
- Perkakasan yang bersesuaian Flipped and Flexible classroom

iii. Pentaksiran dalam talian (20%)

- Kuiz
- Kajian kes
- Problem Based Learning -PoBL
- Open e-Book test
- Pembentangan
- Refleksi @ePortfolio
- Peer assessment
- Alatan Pentaksiran e-Proctoring
- Aplikasi Analitik Pembelajaran bagi Pemantauan Kemajuan Pelajar
- Alatan Pentaksiran dalam Talian masa nyata dan banyak lagi

3.4.7 Semua pensyarah dicadangkan menggunakan platform eCampus UMK bagi mengendalikan kuliah dalam talian ini. Namun, dalam kes-kes tertentu, pensyarah dibenarkan menggunakan platform lain dan ia perlu disertakan dengan justifikasi yang jelas dan boleh diukur. Terdapat pelbagai aplikasi yang boleh digunakan sebagai alternatif lain. **Jadual 3.1** menunjukkan senarai web tools terkini yang boleh diguna pakai dalam mengendalikan kuliah secara dalam talian.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARikh PINDaan : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 57/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

Jadual 3.1 Cadangan Senarai Web tools PdP-DT

<i>Good tools for preparing multimedia contents for learning (Subscribed by UMK)</i>	<i>Good and easy-to-use learning tools, for lecturers and students, which apply AI and machine learning</i>	<i>Good learning, teaching and research tools for lecturers and students, but require some no-code programming to build the models.</i>	<i>Good learning, teaching and research tools for lecturers and students, but require some interactive programming languages like i- Python to build the models.</i>
<ul style="list-style-type: none"> • Renderforest • Biteable • Canva • Wooclap • Genially • Piktochart • Powtoon • Chromacam • Monday.com • Mentimeter • StreamLabs • Jibble Attendance 	<ul style="list-style-type: none"> • Akinator • Quick • Draw! • Brainly 	<ul style="list-style-type: none"> • Knime • Orange • RStudio • Stata • Grapher 	<ul style="list-style-type: none"> • Eclipse. • PyCharm. • AWS Cloud9. • Kite. • Wing Python IDE. • Selenium IDE. • spyder download. • Codenvy.

Sumber: (<https://docs.google.com/spreadsheets/d/188ASUuDj-cH65mEzV5J-PmAxDKZYPJvwdjbwvf4Gdlc/edit?usp=sharing>)

3.4.8 eCampus merupakan platform rasmi UMK berlandaskan Moodle versi 3.8. Portal ini mudah diakses oleh semua Warga Pelajar dan Staf Akademik. eCampus UMK mempunyai kelengkapan yang tinggi oleh sebab dokumen P&P seperti Table 4 serta eAttendance, Pelaporan PLO telah diintegrasikan dengan cukup kemas. Untuk layari sila ke <https://ecampus.umk.edu.my> dan turut boleh di akses ke Laman MOOC UMK melalui www.openlearning.com. (<https://www.youtube.com/c/eCampusUMK/videos>).

3.4.9 Walau bagaimanapun, terdapat dua teknik PdP yang boleh dilaksanakan dalam talian iaitu segerak dan tidak segerak.

i. **Segerak (Synchronous)**

PdP-DT yang berlaku apabila pensyarah dan pelajar berada di ruang maya yang sama pada masa sebenar (*real-time*). Walau

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 58/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

bagaimanapun, mereka tidak perlu berada secara fizikal di tempat dan lokasi yang sama. Sebagai contoh, pembelajaran secara segerak ini adalah berdurasi selama 1 jam dan melibatkan telesidang, webinar dan audio masa-nyata.


Manakala, aktiviti segerak boleh melibatkan interaksi masa-nyata seperti perbincangan, forum, pembentangan, perbahasan dan konsultansi. Pembelajaran secara segerak menggunakan aplikasi web 2.0 *teaching tools* atau aplikasi lain yang bersesuaian. Sila rujuk video UMK e-Training (Continuous Professional Development eLearning UMK 2020) (<https://www.youtube.com/channel/UCKT6z5x0LATB73FpVdXnBWQ>)

Pembelajaran secara *synchronous*. Ia bermaksud pembelajaran secara dalam talian berlaku dalam masa nyata, iaitu:

- Menjalankan sesi pembelajaran secara langsung dengan pelajar menggunakan aplikasi google meets, Webex atau saluran lain.
- Berkomunikasi secara interaktif dengan pelajar (komunikasi dua hala).
- Mengendalikan aktiviti pembelajaran secara dalam talian dan interaksi berlaku dalam masa nyata walaupun di lokasi geografi yang berbeza.
- Menjalankan pentaksiran masa nyata dengan pelajar menggunakan portal eCampus atau alat penilaian secara dalam talian yang lain.

Sumber: E-Learning Pengajaran & Pembelajaran Dalam Talian UMK(2020).

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 59/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		



Rajah 3.4 Proses PdP Dalam Talian Segerak

Sumber: Playbook Pengajaran dan Pembelajaran dalam talian (Suria Baba, MEIPTA)

ii. Tidak Segerak (*Asynchronous*)

PdP yang berlaku bukan dalam masa sebenar (*real-time*). Komunikasi antara pengajar dan pelajar berlaku bukan sahaja di lokasi yang berlainan, tetapi juga pada masa yang berlainan. Bahan pembelajaran yang berdurasi 1 jam bersamaan video berdurasi 10 minit melibatkan rakaman video, animasi dan bahan multimedia (eLearning UMK, 2020).

Bahan PdP perlu disediakan bagi 1 jam kuliah pembelajaran. Manakala, untuk aktiviti secara dalam talian pensyarah perlu memperuntukkan masa selama satu minggu bagi pelajar menyelesaikan tugas yang diberi. Penggunaan web tools 2.0 yang dicadangkan adalah seperti forum, perbincangan, kaji selidik, maklum balas dan lain-lain. Pentaksiran berterusan dalam tempoh 1 minggu perlu dilaksanakan iaitu seperti kuiz dalam talian, penilaian dalam talian dan tugas dalam talian.

Pembelajaran secara tidak segerak bermaksud pembelajaran secara dalam talian tidak berlaku dalam masa nyata, iaitu:

- Tidak perlu menjalankan sesi secara langsung dengan pelajar.
- Tidak dapat berkomunikasi dengan pelajar secara interaktif (komunikasi sehalas).
- Boleh mempunyai video prarakaman untuk menyokong rancangan pembelajaran secara dalam talian.

**GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN
 PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA
 KELANTAN**

- Boleh merancang aktiviti pembelajaran dalam talian menggunakan alat pembelajaran secara dalam talian seperti forum, facebook dan lain-lain.
- Boleh melakukan pentaksiran secara asynchronous (bukan masa sebenar) sebaik sahaja pensyarah menetapkan tarikh dan masa untuk pentaksiran secara dalam talian.
[\(http://pkpa.umk.edu.my/v5/teaching-learning-guidelines/\).](http://pkpa.umk.edu.my/v5/teaching-learning-guidelines/)



Rajah 3.5 Proses PdP Dalam Talian Tidak Segerak

Sumber: E-Learning Pengajaran & Pembelajaran Dalam Talian UMK (2020).

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARikh PINDaan : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 61/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

3.5 PEMBELAJARAN SECARA HIBRID

- 3.5.1 Pelaksanaan PdP secara hibrid ini merujuk pada pelaksanaan PdP secara bersemuka dan/ atau secara dalam talian di peringkat program, kursus dan/ atau kuliah mingguan iaitu samada:
- Hibrid (ONLINE + Bersemuka (F2F))
 - Kelas Hibrid & atas talian (seperti Google Meet, zoom)
- 3.5.2 Pensyarah boleh memilih tiga(3) pilihan ini ketika merancang ONLINE /OFFLINE kelas iaitu 7:7 (7 minggu online dan 7 offline), 4:10 (4 minggu online dan 10 minggu offline) atau 6:8 (6 minggu online dan 8 minggu offline). (*Implementasi dan Pelaksanaan Pengajaran & Pembelajaran, PKPA, 2021*).
- Contoh 1:
Subjek (A) melaksanakan PTG 01 (30:70), pengajar boleh memilih 4 minggu ONLINE sama ada di 4 minggu awal ATAU di 4 minggu akhir.
 - Contoh 2:
Subjek (B) melaksanakan PTG 04 (60:40), pengajar boleh memilih 8 minggu ONLINE sama ada di 8 minggu awal ATAU di 8 minggu akhir.
 - Cadangan tetapan dan persediaan kelas hibrid.
 - LAPTOP pengajar menyertai *Aplikasi telesidang* (On MIC & Camera).
 - Pelajar di dalam kelas(F2F) dan pelajar Online memasuki *Aplikasi telesidang* (On Camera masing-masing).
 - LCD memaparkan *Aplikasi telesidang* (pelajar Online, F2F & pengajar) ke MAIN SCREEN.
 - LAPTOP sekali lagi menyertai *Aplikasi telesidang* (link sama, browser lain –ditetapkan “Mute Tab”, Off MIC & Camera).
 - CAMERA merakam pengajar pembentangan pelajaran (WHITEBOARD) / share screen.
 - Rakaman CAMERA dipaparkan ke MONITOR

(New Idea: Hybridogogical Classroom Minimal Setup DIY:
<https://www.youtube.com/watch?v=0y8vkRIYNFk>)

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	<p>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)</p> <p>UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01</p> <p>GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN</p>	<p>PINDAAN : 1 TARikh PINDaan : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 62/108</p>
---	--	---

3.6 RUMUSAN

Kandungan bahagian ini boleh dijadikan panduan kepada para pensyarah dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) tidak kira sewaktu pandemik atau keadaan biasa. Di samping itu, teknik pelaksanaan pembelajaran ini berpotensi tinggi untuk dilaksanakan kerana ia selaras dengan prinsip Pembelajaran Teradun Gantian (PTG). Ia juga selari dengan perkembangan teknologi maklumat digital semasa dan perubahan cara hidup generasi masa ini.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 63/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

BAHAGIAN 4 :

PENGURUSAN JAM PEMBELAJARAN PELAJAR

4.1 PENGENALAN

- 4.1.1 Bahagian ini akan menjelaskan berkenaan proses dan kaedah penetapan jam pembelajaran pelajar. Perincian bahagian ini akan dibahagikan kepada beberapa subtopik iaitu Kerangka Kelayakan Malaysia, Jam Pembelajaran Pelajar (*Student Learning Time-SLT*), Jam Pembelajaran Efektif (*Effective Learning Time-ELT*), contoh penulisan SLT dan ELT sebelum diakhiri dengan rumusan bahagian.
- 4.1.2 Pada akhir bahagian ini setiap fakulti/ PTj akan memahami berkenaan kaedah pengiraan dan penetapan jam pembelajaran pelajar yang berkesan bagi memenuhi keperluan kursus dan standard program pengajian.
- 4.1.3 Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM) telah diperkenalkan sebagai salah satu usaha penting Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk melahirkan graduan yang mempunyai kesepaduan dan keseimbangan serta cemerlang dalam semua bidang kehidupan. Salah satu komponen yang paling penting ialah penggubalan kurikulum pengajian tinggi yang berteraskan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan sistematik.
- 4.1.4 KKM yang digubal ini sebagai penanda aras yang telah dibina dengan merujuk kepada amalan antarabangsa. Fokus utama ialah penentuan tahap pembelajaran, hasil pembelajaran dan sistem kredit yang berdasarkan bebanan pembelajaran pelajar. Penentuan jam pembelajaran pelajar merupakan salah satu proses utama kepada kejayaan pelaksanaan KKM dan ia berbeza dengan penentuan jam kredit yang digunakan selama ini di semua institusi pengajian tinggi.
- 4.1.5 Jam pembelajaran pelajar adalah teras kepada dua perkara utama dalam KKM, iaitu hasil pembelajaran dan juga penetapan kredit. Jam pembelajaran pelajar bermaksud beban sebenar pembelajaran pelajar yang mengambil kira semua aktiviti pembelajaran termasuk juga persediaan material dan pencarian maklumat di internet. Beban pembelajaran pelajar kini dinilai sebagai aspek utama dalam pembelajaran sebagai satu ukuran kualitatif termasuklah kuliah,

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 64/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

tutorial, praktikal, seminar, pembelajaran kendiri, pencarian maklumat, kerja lapangan, penyelidikan, termasuk juga persediaan dalam menduduki peperiksaan.

- 4.1.6 Ia tidak hanya merujuk kepada jam pertemuan rasmi dengan pensyarah atau tutor seperti yang sering diamalkan sebelum ini. Kesemua aktiviti pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran diambil kira dalam menentukan hasil pembelajaran dan juga menetapkan jumlah jam kredit bagi setiap kursus yang ditawarkan kepada pelajar.

4.2 SISTEM KREDIT KERANGKA KELAYAKAN MALAYSIA

- 4.2.1 Jam pembelajaran adalah salah satu langkah penting untuk memastikan pelajar mengikuti pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan dan berdasarkan kepada beban pembelajaran yang sesuai. Kementerian Pengajian Tinggi melalui Kerangka Kelayakan Malaysia telah menetapkan bahawa satu kredit mempunyai gabungan 40 jam pembelajaran pelajar dalam satu kursus bagi setiap semester. Nilai gabungan adalah *notional credit* atau nilai nasional yang mempunyai nilai 40 jam setiap semester untuk satu beban kredit.

- 4.2.2 Kredit merupakan ukuran kuantitatif yang melambangkan jumlah pembelajaran atau beban pembelajaran pelajar untuk mencapai hasil pembelajaran tertentu. MQF (2011) mentakrifkan bahawa 1 jam kredit bersamaan 40 jam pembelajaran pelajar melalui pendekatan PdP berpusatkan pelajar. Ianya merupakan usaha pelajar berdasarkan jumlah jam pembelajaran yang diperuntukkan (secara purata) untuk mencapai kesemua hasil pembelajaran yang sepatutnya dalam satu semester.

$$\text{Kredit} = \frac{\text{Jumlah jam pembelajaran pelajar} * (\text{SLT}) \text{ bagi kursus}}{\text{jam notional (40 jam)}}$$

Contoh: 120 jam SLT/40 jam notional = 3 jam kredit

*SLT merangkumi jam pembelajaran formal pelajar, jam persediaan pembelajaran pelajar dan jam pentaksiran pelajar

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 65/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

1 Unit@Kredit : 40 Jam Notional

Contoh:

3 Kredit: $3 \text{ Unit} \times 40 \text{ Jam Notional}$
 $= 120 \text{ Jam}$

Unit/Kredit	Jam
1	40
2	80
3	120
4	160
6	240
8	320
12	480

Rajah 4.1: Kaedah pengiraan SLT dan Kredit kursus

- 4.2.3 Dalam penentuan jam pembelajaran tersebut, pensyarah perlu menetapkan pembahagian jumlah jam tersebut secara tepat dan sesuai. Sehubungan itu, proses penilaian rakan kesepakaran amat penting bagi tujuan tersebut. Aspek utama yang perlu diberikan tumpuan adalah kedalaman kandungan pengajaran dan pembelajaran, keluasan dan aras kandungan kursus.
- 4.2.4 Pandangan dan persetujuan daripada rakan kesepakaran adalah amat penting bagi memastikan ia menepati hasil pembelajaran yang ditetapkan dan dapat diterima secara konsensus atau bersama. Penentuan jam pembelajaran ini perlu mengambil kira hasil pembelajaran agar aktiviti pembelajaran pelajar sesuai dan memberikan sumbangan yang signifikan kepada mereka. Adalah diharapkan pelajar akan mengetahui, memahami dan menghayati apa yang dipelajari setelah mereka menamatkan kursus tersebut.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARikh PINDaan : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 66/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		



Rajah 4.2: Kaedah pengiraan SLT bagi seorang pelajar

- 4.2.5 Dalam hal ini, pelajar perlu melaksanakan semua tugas yang diberikan dan sesuai dengan hasil pembelajaran yang ditetapkan. Apa yang perlu diberikan perhatian dalam menentukan jam pembelajaran pelajar adalah kesesuaian bebanan dimana ia perlulah mengambil kira keseimbangan antara “*terlalu terbeban*” dan “*terlalu mudah dan ringan*”. Apa yang utama ialah kesesuaian dengan keperluan pelajar dan menepati tahap minimum kualiti yang ditetapkan dalam KKM.
- 4.2.6 Bebanan pembelajaran pelajar perlu mengambil kira tempoh pengajian yang merangkumi minggu, semester dan sesi pengajian perlu diambil kira agar aktiviti pembelajaran yang dirangka sesuai dengan tahap keupayaan pelajar. Pensyarah dan penyelaras kursus perlu menjelaskan secara terperinci jam pertemuan untuk
- Jumlah Jam Pertemuan Rasmi secara kuliah atau pengajaran (*guided learning*)
 - Jumlah Masa Pembelajaran Kendiri
 - Jumlah Masa Pentaksiran Formal.

Kesemua aspek ini perlu dinyatakan dalam huraiann kursus untuk panduan pelajar merancang jadual pembelajaran mereka.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARikh PINDaan : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 67/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

4.3 JAM PEMBELAJARAN PELAJAR (*STUDENT LEARNING TIME- SLT*)

- 4.3.1 Jam Pembelajaran Pelajar (*Student Learning Time -SLT*) merupakan masa pembelajaran berkesan atau usaha pelajar dalam proses pembelajaran atau jumlah masa pelaksanaan keseluruhan aktiviti PdP yang digunakan untuk mencapai hasil pembelajaran kursus (CLO) yang ditetapkan. SLT merangkumi masa pelaksanaan jam pembelajaran berpandu (bersemuka fizikal, bersemuka segerak dan tidak bersemuka/tidak segerak), jam pembelajaran kendiri dan jam pentaksiran formal (GPPA KPT, 2018).
- 4.3.2 SLT merupakan masa pembelajaran berkesan atau jumlah masa pelaksanaan keseluruhan aktiviti PdP pelajar yang digunakan untuk mencapai CLO yang ditetapkan. Konsep SLT dapat diterjemahkan kepada tiga komponen utama iaitu:
- i. Jumlah Masa Pembelajaran Berpandu
 - ii. Masa Pembelajaran Bersemuka (Fizikal)
 - Masa Pembelajaran Bersemuka (Dalam Talian/Berbantu Teknologi secara Segerak)
 - Masa Pembelajaran Tidak Bersemuka (Dalam Talian/Berbantu Teknologi secara Tidak Segerak)
 - iii. Jumlah Masa Pembelajaran Kendiri
 - iv. Jumlah Masa Pentaksiran Formal

Jadual 4.1: Aktiviti Pembelajaran dan Pengajaran dalam pengiraan SLT

AKTIVITI PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN					
Pembelajaran Berpandu		Pembelajaran Kendiri	Pentaksiran		
Bersemuka	Tidak Bersemuka		Pembelajaran Kendiri	Pentaksiran Berterusan	Pentaksiran Akhir
Fizikal	Dalam Talian/ Segerak	Dalam Talian/ Tidak Segerak	Pembelajaran Kendiri	Pentaksiran Berterusan	Pentaksiran Akhir

- 4.3.3 Pembahagian jam pembelajaran pelajar adalah penting bagi mengukur hasil pembelajaran yang telah ditetapkan. Pengiraan sistem kredit adalah berdasarkan kepada beban sebenar jam pembelajaran pelajar dan bukannya merujuk kepada jumlah jam pertemuan pelajar dengan pensyarah mereka dalam setiap minggu dalam sesi pengajian. Jadual 4.1, Rajah 4.2 dan Rajah 4.3 memperlihatkan contoh pembahagian agihan masa beban pembelajaran sebanyak 120 jam untuk kursus 3 jam kredit.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 68/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

CONTOH 3 JAM KREDIT:
(70% BERSEMUKA DAN 30% PEMBELAJARAN DALAM TALIAN)

Jadual 4.2: Aktiviti Pembelajaran dan Pengajaran

Weeks / Course Content Outline and Subtopics		CLO*	Learning and Teaching Activities**										Total SLT	
			Face-to-Face (F2F)				Non Face-to-Face (F2F)							
			Physical		Online/Technology-Mediated (Synchronous)		Online/Technology-Mediated (Asynchronous)		Independent Learning					
L	T	P	O	L	T	P	O	O						
1	Topic 1	CLO1 CLO2 CLO3	3	0	0	3	3	0	0	0	0	0	9	
2	Topic 2	CLO1 CLO2 CLO3	3	0	0	3	0	0	0	0	3	3	9	
3	Topic 3	CLO1 CLO2 CLO3	2	0	0	0	1	0	0	0	0	0	3	
4	Topic 4	CLO1 CLO2 CLO3	2	0	0	0	1	0	0	0	0	0	3	
5	Topic 5	CLO1 CLO2 CLO3	2	0	0	1	0	0	0	0	0	0	3	
6	Topic 6	CLO1 CLO2 CLO3	0	0	0	3	0	0	0	0	3	3	6	
7	Topic 7	CLO1 CLO2 CLO3	0	0	0	0	0	0	0	0	3	3	3	
8	Topic 8	CLO1 CLO2 CLO3	0	0	0	3	0	0	0	0	0	0	3	
9	Topic 9	CLO1 CLO2 CLO3	2	0	0	1	0	0	0	0	0	0	3	
Sub Total:			14	0	0	14	5	0	0	0	9	42		
SUB-TOTAL SLT:													84	

**** Panduan Menganggar Jam Pembelajaran Pelajar Sarjana Muda**

Secara umumnya, 1 Jam Pembelajaran Terbimbing = 1 Jam Pembelajaran Kendiri. Walaubagaimanapun, Pakar Bidang Kursus boleh menentukan nisbah jam pembelajaran terbimbing dan jam pembelajaran kendiri mengikut kesesuaian masa pembelajaran pelajar dan bidang ilmu masing-masing untuk mencapai CLO.

Jadual 4.3: Panduan menganggar SLT berdasarkan aktiviti/ elemen

Kuliah MP Biasa (Jam)	Jam Belajar Sendiri
1	1
2	2
3	3

Kuliah MP Kompleks (Jam)	Jam Belajar Sendiri
1	2
2	4
3	6

Tutorial (Jam)	Jam Belajar Sendiri
1	1
2	2
3	3

PBL (Jam)	Jam Belajar Sendiri	Diskusi Kumpulan
1	1	1
2	2	2
3	3	3

Jika dilihat kepada keseluruhan kredit minimum bagi setiap jenis atau tahap program pengajian, jam pembelajaran pelajar bagi setiap program juga akan berbeza antara satu sama lain. Ia bergantung kepada jumlah kredit yang diperlukan bagi setiap peringkat pengajian. Jadual 4.3 adalah contoh jumlah keseluruhan jam pembelajaran pelajar berdasarkan kepada jumlah minimum kredit untuk program di peringkat sijil, diploma dan ijazah sarjana muda.

4.4 JAM EFEKTIF PELAJAR (*EFFECTIVE LEARNING TIME - ELT*)

4.4.1 Jam Efektif Pelajar (*Effective Learning Time -ELT*) merupakan pengiraan kredit kursus komponen industri. ELT merangkumi masa pelaksanaan semua aktiviti teori (pembelajaran berpandu dan pembelajaran bebas), bimbingan industri dan pentaksiran (semasa kerja dan di luar kerja) berdasarkan bilangan jam berkesan bagi satu hari (1) didarab dengan bilangan hari dalam satu (1) minggu dan bilangan minggu latihan industri (GP WBL, 2016).

4.4.2 Contoh-contoh Pengiraan SLT dan Kredit bagi ELT:

i. **Teori dan Kerja**

- Pelajar-pelajar melalui kursus komponen industri (*Work-based Learning - WBL*) akan melalui pengalaman bekerja sebagai sebahagian daripada pembelajaran mereka. Pendekatan ini jauh berbeza jika dibandingkan dengan pendekatan teori dan praktikal yang digunakan dalam kursus-kursus bukan WBL. Melalui aktiviti-aktiviti kerja, pelajar-pelajar dikehendaki untuk mempraktikkan teori-teori yang telah dipelajari dari semester sebelum atau semasa. Dua

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 70/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

teori amalan pendekatan WBL adalah teori yang dipelajari semasa bekerja dan di luar kerja/dalam talian. Jam yang dikira untuk teori boleh dibahagikan kepada dua (2) komponen iaitu Pembelajaran Berpandu (DL) dan Pembelajaran Bebas (IL).

- b. Kerja ditakrifkan sebagai semua aktiviti kerja yang dibimbing oleh industri semasa pengajian mereka. Melalui aktiviti-aktiviti kerja, para pelajar digalakkan untuk mengamalkan teori-teori pengetahuan yang mereka pelajari dari semester sebelum dan semasa. Pembelajaran yang diterima akan direkod dan ditaksir melalui jurnal reflektif dan temu duga.

ii. **Bimbingan Industri (IG)**

- a. Bimbingan Industri merujuk kepada jumlah bilangan jam yang diperuntukkan untuk kursus-kursus yang dibimbing, dimentor dan ditaksir oleh jurulatih industri di tempat kerja industri. Jumlah jam bimbingan industri perlu mematuhi waktu yang diperuntukkan sebagaimana yang dinyatakan dalam kurikulum.
- b. Contoh-contoh jumlah jam Bimbingan Industri yang diperlukan oleh kursus-kursus WBL adalah seperti berikut:
 - 2 kursus WBL setiap semester = Kursus A (400 jam) + Kursus B (400 jam) = 800 jam;
 - 3 kursus WBL setiap semester = Kursus A (300 jam) + Kursus B (300 jam) + Kursus C (200 jam) = 800 jam; dan
 - 4 kursus WBL setiap semester = Kursus A (200 jam) + Kursus B (200 jam) + Kursus C (200 jam) + Kursus D (200 jam) = 800 jam.
- c. Bergantung kepada pendekatan WBL dan tempoh yang diguna pakai oleh PPT, setiap pelajar WBL akan didedahkan dengan pembelajaran dalam persekitaran kerja **selama 8 jam @ 5 hari seminggu**. Sebagai contoh, seorang pelajar yang menjalani program WBL selama **8 jam @ 16 minggu akan perlu melalui 640 jam** kerja industri. Walau bagaimanapun, bagi setiap kursus WBL, sama ada menggunakan bimbingan bersemuka atau bimbingan industri, jumlah bilangan jam perlu memenuhi bilangan jam yang ditetapkan oleh kurikulum.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 71/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

d. Contoh-contoh:

- Lepasan Secara Blok : Kerja Industri = 640 jam
- Lepasan Harian
 - Kursus A (2 jam x 5 hari x 20 minggu = 200 jam)
 - Kursus B (3 jam x 5 hari x 20 minggu = 300 jam)
 - Kursus C (4 jam x 5 hari x 20 minggu = 400 jam)

iii. Bilangan Jam Pentaksiran

Jumlah jam pembelajaran pelajar yang diperuntukkan di tempat kerja (WBL) adalah termasuk bilangan jam pentaksiran.

Pengiraan Kredit berdasarkan ELT

- a. Pendekatan pembelajaran dalam kursus-kursus WBL adalah berbeza daripada kursus-kursus bukan WBL. Oleh itu, pengiraan ELT kursus-kursus WBL juga berbeza daripada kursus-kursus bukan WBL. Tempoh yang lebih lama semasa kerja dan masa pembelajaran yang berkesan juga perlu diberi pertimbangan dalam mengira ELT dan kredit bagi kursus-kursus WBL. Berdasarkan realiti persekitaran kerja, adalah dianggarkan bahawa kira-kira 20% daripada masa di tempat kerja tidak dapat ditentukan sebagai masa pembelajaran yang berkesan. Sebagai contoh, masa yang digunakan untuk minum petang dan makan tengah hari, perbualan pejabat, pelarasan kerja dan perjalanan ke tempat kerja. Berdasarkan pertimbangan-pertimbangan tersebut, bilangan jam pembelajaran yang berkesan untuk kursus-kursus WBL, sekitar 80%.
- b. Untuk mengira SLT dan kredit bagi kursus-kursus WBL, adalah disyorkan untuk memasukkan komponen-komponen berikut:
 - Jam Pembelajaran Efektif (ELT):
 - Teori (pembelajaran berpandu dan pembelajaran bebas
 - Bimbingan industri
 - Pentaksiran (semasa kerja dan di luar kerja) $ELT = (Teori + Bimbingan industri + Pentaksiran) \times 80\%$
 - Kredit Jam Pembelajaran Efektif (ELT)/ 40 Jam Nasional Malaysia (ELT/40)
- c. Contoh-contoh pengiraan SLT dan kredit

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 72/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

- Contoh Kursus Penyuntingan dan Pengubahan SLT untuk komponen Teori dipelajari di luar kerja.

Menggunakan formula di atas, kredit ialah:

$$16 \text{ (pembelajaran berpandu)} + 16 \text{ (pembelajaran bebas)} + 200 \text{ (bimbingan industri)} + 22.5 \text{ (pentaksiran di luar kerja)} = 254.5$$

$$(254.5 \times 80\%)/ 40 = 5 \text{ kredit}$$

- Berikut adalah satu lagi contoh pengiraan SLT dan kredit untuk WBL daripada Sains Kejururawatan (Garis Panduan Standard & Kriteria Kelulusan/Akreditasi Program Kejururawatan.)

Praktikal = berterusan 7 jam sehari x 6 hari dalam amalan klinikal selama 2 minggu = 2 minggu = 84 jam = 1 kredit

** Semua pengiraan di atas adalah contoh sahaja. Setiap program WBL hendaklah membuat penyelarasan yang sesuai dengan reka bentuk kurikulum dan kursus masing-masing. Adalah dicadangkan bahawa pelaksanaan kursus-kursus yang mempunyai kredit yang besar perlu diselia dengan teliti oleh kedua-dua PPT dan industri untuk mengelakkan kesan-kesan negatif seperti menghalang pelajar-pelajar dengan sewenang-wenangnya memperoleh kredit yang besar dengan tugas peringkat rendah atau mengelakkan pelajar-pelajar daripada gagal mencapai gred yang baik akibat daripada terlalu banyak kerja atau output tugas. Instrumen-instrumen seperti Penilaian Syarikat, Kontrak Pembelajaran, Temu duga, dan Portfolio boleh digunakan untuk mengukur hasil-hasil pembelajaran para pelajar.

4.5 RUMUSAN

Perkembangan terkini dalam dunia pendidikan, khususnya di peringkat pengajian tinggi, memerlukan para pensyarah dan juga pelajar-pelajar melakukan perubahan dan anjakan pemikiran dalam proses pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajian tinggi. Pelaksanaan penentuan jam pembelajaran pelajar yang diperkenalkan dalam KKM perlu diberikan perhatian dalam usaha untuk melahirkan graduan yang seimbang dan cemerlang sebagaimana yang dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Penentuan jam pembelajaran pelajar yang merupakan asas pencapaian hasil

pembelajaran di harap akan dapat memberikan satu garis panduan yang baik dalam aspek pengurusan masa pembelajaran berkesan seterusnya melahirkan graduan yang cemerlang. Malah, ianya dapat membantu pelajar bagi mendisiplinkan diri mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Jam pembelajaran pelajar ini juga akan dapat membudaya etika belajar dalam pembelajaran mereka seterusnya dapat memupuk konsep pembelajaran seumur hidup.

LAMPIRAN 1 – CONTOH DOKUMEN WBL

RANCANGAN PENGAJARAN – HH204 PERKHIDMATAN DAN PENGURUSAN PENYAMPUT TETAMU

MINGGU	TARIKH	TOPIK	AKTIVITI-AKTIVITI	BACAAN	ULASAN
1	6 ^{hb} Mei	Sesi Suai Kenal /'Ice Breaking'	- Aktiviti Kelas	Buku: Sudhir Andrews, 9 th Edition, Front Office Management & Operations, Mc Graw Hill (2013) Rujukan Tambahan: Manual / Buku panduan Kaunter Depan	Pentaksiran adalah berdasarkan kepada pentaksiran berterusan (kuiz, WBL - laporan mingguan dan pentaksiran industri & 2 jam praktikal akhir) Fasa pertama: kelas teori (minggu 1 – minggu 8)
2	13 ^{hb} Mei	Topik 1: Pengenalan kepada Perkhidmatan Kaunter Hadapan	- Kuliah - Kuiz		
3	20 ^{hb} Mei	Topik 2: Susun atur Jabatan Kaunter Hadapan Topik 3: Komunikasi Berkesan antara Jabatan	- Kuliah - Kuiz		
4	27 ^{hb} Mei	Topik 4: Kitaran Tetamu	- Kuliah - Kuiz		
5	3 ^{hb} Jun	Topik 5: Tempahan Topik 6: Penyambut Tetamu	- Kuliah - Kuiz		
6	10 th June	Topik 7: Perkhidmatan Beruniform Topik 8: Perkhidmatan Bahagian Kerja Rencam	- Kuliah - Kuiz		
7	17 th June	Topik 9: Perhubungan Pelanggan Topik 10: Telekomunikasi	- Kuliah - Kuiz		
8	24 th June	Topik 11: Juruwang Kaunter Hadapan Topik 12: Juruaudit Malam	- Kuliah - Kuiz		

**GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA
KELANTAN**

9	1^{hb} Julai	WBL - tempahan	- WBL	Fasa ke-2: WBL (minggu 10 – minggu 14)
10	8^{hb} Julai	WBL - penyambut tetamu	- WBL	
11	15^{hb} Julai	WBL - perkhidmatan bahagian kerja rencam	- WBL	
12	22^{hb} Julai	WBL - perhubungan pelanggan	- WBL	
13	29^{hb} Julai	WBL - juruwang kaunter hadapan	- WBL	
14	5^{hb} Ogos	WBL - Juruaudit malam	- WBL	
15	12^{hb} Ogos	Peperiksaan Amali Akhir		

Sumber: Garis Panduan Pembelajaran Berasaskan Kerja (WBL), 2012

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARikh PINDaan : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 75/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

BAHAGIAN 5 :

PENTADBIRAN & PENGURUSAN KUALITI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

5.1 PENGENALAN

- 5.1.1 Perubahan semasa dalam pendidikan tinggi terus berlaku dan dijana oleh kemajuan sains dan teknologi menyebabkan tuntutan akauntabiliti masyarakat terhadap institusi pengajian tinggi terus meningkat. Dalam mendepani cabaran dan perubahan persekitaran semasa, penawaran program perlu sentiasa dinamik terhadap keperluan terkini dengan sentiasa memantau dan mengkaji secara sistematis.
- 5.1.2 Bahagian 5 merangkumi pentadbiran dan pengurusan kualiti dalam pengajaran dan pembelajaran yang merupakan suatu proses yang amat penting dalam kelestarian program untuk kekal relevan dalam industri yang berkaitan. Pemantauan pelaksanaan kursus hendaklah dilaksanakan oleh pemilik kursus untuk mendapatkan maklumat tentang keberkesanan pelaksanaan kursus dan mengenal pasti perkara-perkara yang perlu ditambah baik bagi memastikan hasil pembelajaran kursus dicapai.

5.2 PENGURUSAN DOKUMEN

- 5.2.1 Pensyarah bertanggungjawab memastikan kursus dilaksanakan mengikut perancangan yang ditetapkan. Semua dokumen berkaitan PdP hendaklah didokumentasikan secara sistematis. Ketua PTj bertanggungjawab memastikan fail kursus adalah lengkap dan terkini.
- 5.2.2 Antara dokumen yang sering digunakan oleh pensyarah dalam melaksanakan PdP adalah seperti berikut dan dokumen boleh dimuat turun menerusi ecomm UMK: [Libraries> Dasar/Peraturan/Garis Panduan Akademik > 5. Borang Kualiti Program Akademik](#)
- FK2: Maklumat Kursus/ *Table 4* (Lampiran 5.2)
 - FK3: Penajaran Konstruktif Kursus dan Program Pengajaran (Lampiran 5.3)

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 76/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

- FK5: Rekod Penerimaan Tugasan Pelajar (Lampiran 5.5)
- FP08: Penyediaan/ Saringan Kertas Soalan Bagi Peperiksaan Akhir (Lampiran 5.6)
- UMK/ A9: Senarai Keperluan Peperiksaan Akhir (Lampiran 5.7)

5.2.3 Selain itu, penyelaras dan pensyarah kursus juga bertanggungjawab menyediakan Fail Kursus pada setiap akhir semester. Maklumat yang perlu disediakan adalah seperti Senarai Semak Fail Kursus

5.3 ANALITIK PEMBELAJARAN (CLO/PLO ANALYSIS)

Bagi mengupayakan prinsip rekabentuk yang berlandaskan kepada 4 kuadran PDCA (Plan, Do, Check, Act), keempat-empat kuadran dalam OBE diterjemahkan dalam *Lean System*. Ia memberikan maklumat terperinci tentang kemajuan pelajar dalam pencapaian PLO bagi setiap semester.


- 5.3.1 Analisis Hasil Pembelajaran Program HPP (*Programme Learning Outcome, PLO*) dan Hasil Pembelajaran Kursus HPK (*Course Learning Outcome, CLO*) merupakan antara elemen yang wajib dilaksanakan oleh setiap penyelaras/pengajar kursus berdasarkan keperluan yang telah digariskan oleh Agensi Kelayakan Malaysia dalam Kerangka kelayakan Malaysia (COPPA: Bidang 3: Penilaian Pelajar dan Bidang 7: Pemantauan dan Semakan Program).
- 5.3.2 Pelaksanaan analitik pembelajaran merupakan proses penting bagi menambah baik pelbagai aspek PdP yang bertujuan untuk meningkatkan keberkesanannya penyampaian kursus dan membantu pelajar menguasai hasil pembelajaran yang ditetapkan. Analitik pembelajaran juga boleh dijadikan sebagai penunjuk prestasi bagi perancangan penamaian mutu pendidikan dan keberkesanannya program dalam masa yang sama menyediakan akauntabiliti kepada pemegang taruh.
- 5.3.3 Penyelaras kursus dikehendaki mengumpul, menganalisa, mengukur dan melaporkan data mengenai pelajar/calon dan pengalaman pembelajaran yang diperolehi bagi mengoptimumkan pengalaman dan persekitaran pembelajaran.
- 5.3.4 Proses ini hendaklah mengambil kira kemajuan dan prestasi pelajar, pencapaian hasil pembelajaran kursus dan program, maklum balas penilaian kursus dan pengajaran, maklum balas penyeliaan penyelidikan serta maklum

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 77/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		

balas pelajar. Selain itu, aspek yang memerlukan penambahbaikan perlu dikenalpasti bagi mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.


- 5.3.5 Analisa pencapaian Hasil Pencapaian Kursus (CLO) di UMK dijalankan menerusi penggunaan FK3: Penajaran Konstruktif Kursus dan Program Pengajian di mana penyelaras/pengajar perlu menjalankan analisa pencapaian bagi setiap CLO yang ditetapkan dalam pelan pengajaran (*Table 4*) pada setiap semester. Keseluruhan carta alir proses penilaian pencapaian CLO adalah seperti yang ditunjukkan di **Rajah 5.1**.
- 5.3.6 Analisis CLO yang terperinci boleh dijalankan berdasarkan sistem ‘CLO Analysis’ yang disediakan pada laman web <https://portal.umk.edu.my>. seperti yang ditunjukkan di **Rajah 5.2** dan **Rajah 5.3**.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARikh PINDaan : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 78/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		




Rajah 5.1 Carta alir proses kerja sistem penilaian CLO.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 79/108
GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN		



The screenshot shows the user interface of the UMK web application. On the left, there's a sidebar with links for Home, My Course (selected), TimeTable, Mark Entry, Supervisor, and Training. The main content area displays course details for UBA2012 - BAHASA ARAB I, including faculty information (Faculty Insania), credit hours (2), lecture groups (3), and total students (76). Below the course details, there are tabs for Teaching Plan, Course Analytic, CLO Mapping, Table 4 Coppa (selected), CLO Analysis, and Student Evaluation. A red arrow points to the 'CLO Analysis' tab.

Rajah 5.2 Paparan sistem analisis pencapaian CLO.



The screenshot shows the 'CLO Analysis' page for the UBA2012 - BCK course. At the top, there are tabs for CLO Analysis and Evaluation of CLO, with a 'Download PDF' button. The main section is titled 'KEPUTUSAN PENCAPAIAN HASIL PEMBELAJARAN KURSUS (CLO) SEMESTER 202120221 :: UBA2012'. Below this, it says 'CLO ANALYSIS FOR UBA2012 - BCK 2'. A table lists four students with their Matrik numbers and names:

#	Matrik	Name
1	C20A0894	ABDULLAH ADIB BIN ROSLEY
2	C20A0968	FARAH AIN BINTI AZMI
3	C20A0985	FILZAH BINTI SAMINAN
4	C20A0998	HAZIQAH NUR SYAHIRAH BINTI JOSHEP


Rajah 5.3 Paparan sistem keputusan analisis pencapaian CLO.

5.4 PENAMBAHBAIKAN KUALITI BERTERUSAN (CONTINUAL QUALITY IMPROVEMENT)

- 5.4.1 Proses CQI merupakan satu proses yang perlu dijalankan oleh setiap penyelaras dan pengajar kursus bagi setiap kursus yang ditawarkan bagi memastikan aspek penambahbaikan dikenal pasti dan dijalankan pada sesi penawaran berikutnya.


**GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA
KELANTAN**

5.4.2 Pada umumnya, CQI yang dicadangkan oleh MQA merangkumi tiga aspek utama iaitu Hasil Pembelajaran Kursus (CLO), Hasil Pembelajaran Program (PLO) dan juga Objektif Pendidikan Program (PEO) seperti yang ditunjukkan dalam Kerangka Kerangka CQI PEO, PLO dan CLO merujuk pada **Rajah 5.4**. Manakala ekosistem CQI yang diamalkan di UMK adalah secara holistik merangkumi empat elemen yang utama iaitu *blueprint* program, analisa HPK, HPP dan PEO seperti yang ditunjukkan di **Rajah 5.5**.



Rajah 5.4 Kerangka CQI PEO, PLO dan CLO.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01 GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PINDAAN : 1 TARikh PINDaan : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 81/108
--	---	--



CQI boleh dilaksanakan dan dibuktikan menerusi laporan CQI yang lengkap dengan data yang sah hasil daripada analisa pencapaian yang dijalankan.

